

BAB III

PANTUN: GENRE PUISI MELAYU TRADISIONAL

3.1 Pengenalan

Sebagaimana telah dikemukakan pada bab sebelumnya bahawa bahasa Melayu telah menjadi lingua franca sejak abad ke- 15 di Nusantara (Amat Johari Moain, 1990 : 3). Dalam kedudukannya sebagai lingua franca, ternyata bahasa ini yang paling luas dan beragam pengucapannya, atau yang paling kosmopolitan sifatnya, baik di Nusantara mahupun di Asia Tenggara, jika dibandingkan dengan bahasa-bahasa lainnya (Ismail Hussein, 1988 : 9). Hal ini dimungkinkan mengingat orang Melayu kebanyakannya masyarakat pesisiran, sehingga mereka menjadi terbuka dan peka terhadap unsur-unsur dan pengaruh-pengaruh luar, terutama Islam.

Walaupun bahasa Melayu telah menjadi lingua franca di Nusantara ini, akan tetapi penggunaannya masih sangat terbatas, iaitu pada urusan jual-beli di daerah-daerah tertentu sahaja (al-Attas, 1972 : 36-37). Bahasa Melayu baharulah mencapai taraf lingua franca dalam erti yang sebenar-benarnya setelah ia memperoleh dan menyerap berbagai - bagai istilah daripada perbendaharaan kata Arab dan Parsi, sehingga menjadikannya sebagai bahasa pengantar utama dalam penulisan yang bercorak Islam di seluruh Nusantara. Kemudian pada abad ke-16 selambat-lambatnya bahasa ini telah berjaya mencapai peringkat bahasa sastera dan agama yang luhur (*Ibid.*, 41). Tak menghairankan jika pada abad ke-17 bahasa Melayu dijadikan bahasa pengantar di berbagai-bagai lembaga pendidikan Islam. Setelah itu, para misionaris Kristian juga menggunakannya untuk menyebarkan agama, dan akhirnya pemerintah kolonial Belanda menggunakannya sebagai bahasa pentadbiran dan

bahasa pengantar pada sekolah-sekolah pemerintah (Abdul Hadi, 1995 : 16).

Jadi, kedatangan Islam di Kepulauan Nusantara ini bukan hanya mengajar orang Melayu sistem kepercayaan dan ritual sahaja, melainkan juga berbagai-bagai disiplin keilmuan, seperti falsafah, tasawuf, logik, perundangan dan sebagainya. Melalui pengaruh Islam dan tulisan Arab dalam penulisan Melayu, maka bahasa Melayu telah berkembang dengan pesat dan mengalami perubahan yang radikal, sehingga ia menjadi bahasa yang kaya dengan istilah-istilah baru, bahkan telah dijadikan pula bahasa umum dalam berbagai - bagai bidang, seperti agama, sastera, ilmu pengetahuan, perhubungan dan sebagainya (Ismail Hamid, 1990 : 69-70).

Peranan utama Islam dalam mewujudkan bahasa Melayu sebagai bahasa umum suatu bangsa juga didukung oleh kepintaran dan kemampuan orang Melayu sendiri dalam mengembangkan bahasa mereka sampai sekarang, sebagai salah satu jati diri bangsa. Mereka mampu, misalnya, menghubungkan antara makna dan tulisan serta sebutan sesuatu perkataan, sehingga perkara ini cukup menarik bagi pengkaji bahasa (Metzger, 1994 : 162-63).

Perbincangan ini akan memberatkan kepada masalah genre dan fungsi. Genre suatu istilah yang berasal daripada bahasa Perancis, yang secara umum dapat difahami sebagai jenis atau bentuk sastera (*kind, a literary type or class; a typical category*) (Cuddon, 1979 : 285; Branginsky, 1993 : 3). Oleh itu, pendekatan kepada penjenisan akan memberatkan kepada kategori - kategori kesusasteraan; sementara fungsi akan lebih jelas bermakna kegunaan atau peranan puisi itu dalam berbagai-

bagai kegiatan seperti kesenian dan sosial (Harun Mat Piah, 1984 : ix).

Perbincangan tentang istilah puisi pada umumnya dan puisi Melayu tradisional pada khususnya, sudah tentu memerlukan huraian-huraian yang panjang, mendalam dan terperinci. Akan tetapi dalam tulisan ini hanya akan disentuh sedikit sahaja, terutama dari segi ciri-ciri, bentuk dan strukturnya. Pembicaraan lainnya adalah mengenai sumber - sumber rujukan pantun, penyampaian dan penyebarannya, dan fenomena berpantun. Dengan huraian ini diharapkan dapat membantu memahami perpuisian Melayu tradisional, terutamanya yang berhubungan erat dengan tujuan kajian ini, iaitu di sekitar persoalan pantun agama.

Patut dikemukakan di sini bahawa puisi merupakan suatu karya sastera yang bermakna. Shahnnon Ahmad, dalam bukunya *Penglibatan Dalam Puisi* (1978 : 3-4), setelah beliau mengutip berbagai - bagai pendapat tentang pengertian - pengertian puisi, menyimpulkan bahawa ciri-ciri puisi itu antara lain merangkumi: emosi, imaginasi, pemikiran, idea, nada, irama, kesan pancaindera, susunan kata, kata-kata kiasan, kepadatan, dan perasaan yang bercampur-baur. Oleh itu, di dalam puisi itu setidak-tidaknya ada tiga unsur yang pokok. Pertama, hal yang meliputi pemikiran, idea atau emosi; kedua, bentuknya; dan yang ketiga ialah kesannya. Kesemua ini hanya terungkap dengan media bahasa. Berdasarkan kepada ciri-ciri tersebut, kemudian beliau mengertikan puisi itu sebagai rakaman dan pentafsiran manusia yang penting, yang digubah dalam bentuk yang berkesan. Pengalaman manusia itu mungkin berkenaan dengan pengalaman mental, emosional, fizikal, benar atau khayalan tetapi perlu bermakna. Ia adalah reaksi peribadi penyair terhadap sesuatu yang eksternal ataupun internal.

Ciri-ciri tersebut di atas merupakan ciri-ciri daripada puisi yang bersifat umum atau universal. Puisi Melayu tradisional merupakan salah satu daripada puisi-puisi dunia yang mempunyai variasi dan genre-genre yang amat banyak (Harun Mat Piah, 1984 : 41). Oleh yang demikian, sebahagian besar daripada ciri - ciri puisi tersebut ada pada puisi Melayu tradisional.

Selain daripada perkara di atas, dalam bab ini akan dibincangkan juga bentuk dan struktur pantun, tema dan fungsi pantun, bahan - bahan rujukan pantun, penyampaian dan penyebaran pantun, dan fenomena berpantun. Masing-masing perbincangan itu akan dibahas secara lebih luas dalam beberapa subbab. Kemudian cuba untuk menarik kesimpulan daripada perbincangan tersebut.

3.1 Ciri-ciri Pantun

Dalam huraian sebelumnya telah dikemukakan bahawa pantun merupakan salah satu daripada genre puisi Melayu tradisional. Konsep 'tradisional,' mengikut Harun Mat Piah (1989 : 4), merangkumi apa yang dikenal sebagai

'puisi lisan' (oral poetry) dan 'puisi rakyat' (folk poetry). Ini ialah kerana puisi itu masih digunakan dalam kegiatan-kegiatan kesenian rakyat yang merupakan sebahagian daripada budaya rakyat (folklore) yang dipersembahkan, disampaikan dan disebarkan dalam bentuk lisan. Hampir semua nyanyian daerah atau senandung rakyat, nyanyian - nyanyian yang mengiringi tarian, ungkapan - ungkapan dalam istiadat - istiadat sosial dan keagamaan, zikir yang dilagukan atau yang mengiringi perlakuan yang bersifat magis, dipersembahkan dan diabadikan dalam bentuk puisi.

Dengan memperhatikan ciri-ciri umum dan kenyataan-kenyataan tersebut di atas, selanjutnya dapat dikemukakan ciri - ciri puisi Melayu tradisional, masih mengikut Harun Mat Piah (1989 : 5-7), adalah sebagai berikut:

1. *Ia dicipta dan disebarikan secara lisan dan bersifat kolektif dan fungsional, iaitu tanpa dicantumkan pengarangnya dan digunakan dalam kehidupan masyarakat. . . .*
2. *Bentuknya terikat oleh konvensi - konvensi tertentu yang seterusnya memberikan bentuk dan struktur kepada puisinya. . . .*
3. *Sebagai puisi yang bersifat fungsional yang digunakan dalam kehidupan sehari-hari, sebuah genre tertentu digunakan untuk satu kegiatan; misalnya pantun untuk kegiatan seni yang berunsur hiburan dan ritual;*
4. *Puisi tradisional berhubungan erat dengan magis dalam maksud dan pengertian yang luas. . . .*
5. *Sebagai bahan yang berunsur magis dan ritual puisi dianggap suci (sacred),*
6. *Puisi Melayu tradisional juga dapat dikatakan mengandungi unsur - unsur muziknya. Hampir semua pengucapannya disampaikan dalam lagu, irama atau intonasi yang tipikal. . . .*
7. *. . . bahasanya padat dan kental, mengandungi unsur - unsur perlambangan, imajan, kiasan dan perbandingan-perbandingan lain yang tepat dengan maksud dan fungsinya.*

Berdasarkan kepada ciri - ciri yang telah disebutkan di atas, dapatlah difahami bahawa untuk mengkategorikan puisi Melayu tradisional diperlukan kriteria - kriteria yang dapat menyerlahkan perbezaan - perbezaan dan juga persamaan-persamaannya. Antaranya dari segi bentuk, jenis dan ciri-cirinya. Perbezaan-perbezaan itu bukan sahaja berhubungan dengan unsur luaran, seperti bentuk dan struktur dan ciri-cirinya, melainkan juga unsur dalamannya, seperti isi dan fungsinya. Perbezaan ini menjadikan puisi tersebut mudah dikenali, kerana ia mempunyai bentuknya sendiri, dan sekaligus sebagai identitinya jika dibandingkan dengan puisi-puisi yang sudah biasa digolongkan ke dalam puisi bebas atau moden. Sedangkan kesamaannya ialah kedua-duanya merupakan hasil imaginasi, daya cipta

dan realiti yang menguasai para penciptanya (*Ibid.*, 7). Jadi, dalam hubungan ini ada tiga kriteria utama yang dapat digunakan untuk menentukan sesuatu genre daripada puisi Melayu tradisional, iaitu: bentuk dan struktur, tema dan isi, dan fungsinya (Harun Mat Piah, 2001 : xxiii).

Di samping bahasa Melayu kaya dengan istilah - istilah seperti yang telah disentuh sebelumnya, ternyata bahasa Melayu juga kaya dengan puisi-puisi tradisional. Perpuisian tradisional ini kebanyakannya tidak bernama dan merupakan hasil daripada kekayaan minda, ketinggian dan ketajaman imaginasi dan kehalusan jiwa para penggubahnya serta keterbukaan orang Melayu terhadap dunia luar (Shafie Abu Bakar, 1997 : 17).

Selanjutnya, dengan kriteria-kriteria tersebut di atas, Harun Mat Piah (1989 : 95) telah menyusun genre puisi Melayu yang lengkap sebanyak dua belas, iaitu: pantun, syair, nazam, gurindam, seloka, teka-teki, peribahasa berangkap, teromba, talibun, prosa berirama atau puisi lirik, mantera dan zikir. Berdasarkan kepada kajian itu, beliau menegaskan bahawa daripada dua belas genre tersebut, genre-genre pantun dan syair dapat dianggap yang paling muktamad. Tidak ada percanggahan pendapat dalam penggolongannya, berdasarkan bentuk, pembahagian unit dan isinya, kecuali dalam hal penentuan sistem rima dan tema sahaja (*Ibid.*, 43).

Sesuai dengan rencana perbincangan tentang ciri-ciri pantun, sebagai salah satu daripada genre puisi Melayu tradisional yang mantap, maka secara umum dapat dikemukakan dari dua aspek penting, iaitu aspek luaran dan aspek dalaman (*Ibid.*, 123-24).

1. *Aspek luaran ialah dari segi struktur dan seluruh ciri-ciri visual yang dapat dilihat dan didengar; dan ini termasuk:*

- a. Terdiri daripada rangkap - rangkap yang berasingan. Setiap rangkap terjadi daripada garis-garis yang sejajar dan berpasangan, tetapi umumnya empat baris.*
 - b. Setiap baris mengandungi empat kata dasar. Jadi, unit yang penting ialah perkataan, sedangkan suku kata merupakan aspek sampingan.*
 - c. Adanya klimaksa (climax), iaitu perpanjangan atau kelebihan jumlah unit suku kata atau perkataan pada kuplet maksud.*
 - d. Setiap stanza terbahagi kepada dua unit iaitu pembayang dan maksud pada setiap kupletnya.*
 - e. Adanya skema rima yang tetap, iaitu rima akhir a-b-a-b, dengan sedikit variasi a - a - a - a. Selain daripada rima, asonansi juga merupakan aspek yang dominan dalam pembentukan sebuah pantun.*
 - f. Setiap stanza pantun dalam semua bentuknya mengandungi satu fikiran yang bulat dan lengkap.*
2. *Aspek dalaman ialah unsur - unsur yang dapat dirasakan secara subjektif mengikut pengalaman dan pemahaman pendengar pendengar iaitu termasuk:*

- a. Penggunaan lambang - lambang yang tertentu mengikut anggapan dan world-view masyarakat.*
- b. Adanya perhubungan makna antara pasangan pembayang dengan pasangan maksud, sama ada hubungan konkrit atau abstrak atau melalui lambang-lambang.*

Untuk memperjelas ciri-ciri yang telah dikemukakan di atas, selanjutnya akan diberikan penjelasan dan contoh sekadarnya yang dipetik daripada hasil rakaman pantun Melayu Pontianak. Dengan demikian, tidak semua ciri itu akan diberikan penjelasan dan contohnya, memandangkan sebahagian besar daripadanya telah begitu biasa dan diketahui umum.

Unsur-unsur Luaran

Pasangan sejajar

Pada dasarnya puisi Melayu tradisional tersusun daripada baris-baris atau urutan-urutan perkataan yang berulang-ulang dalam kedudukan yang sejajar. Menurut Harun Mat Piah (1989 : 124) kesejajaran pada pantun itu lebih jelas

terlihat dengan adanya baris-baris yang berpasangan, semukur (*symmetrical*), iaitu suatu bahagian secara fizikal mempunyai ciri yang sama dengan yang lain. Sesuai dengan skema rima akhir **a-b-a-b**, baris pertama berpasangan dengan baris ketiga dan baris kedua dengan baris keempat. Dengan demikian, sebuah pantun yang baik akan mempunyai pasangan-pasangan yang sempurna bukan sahaja daripada segi rima dan jumlah suku katanya, melainkan juga perkataan-perkataan yang mungkin berpasangan; contohnya :

<i>Kajang orang kajang berlipat,</i>	9
<i>Kajang kami mengkuang layu;</i>	9
<i>Dagang orang dagang bertempat,</i>	9
<i>Dagang kami terbang layu.</i>	9
<i>(Matsah Hasan, No. 130)</i>	

<i>Dari mana datangnya lintah,</i>	9
<i>Dari sawah turun ke kali;</i>	9
<i>Dari mana datangnya cinta,</i>	9
<i>Dari mata turun ke hati.</i>	9
<i>(Sulaiman Daud, No. 9)</i>	

Dalam pantun tersebut di atas, selain daripada rima akhir yang sempurna, *lipat-tempat* dan *layu-layu*, terdapat pula rima dalaman yang tergolong sempurna, *kajang-dagang* dan *kajang-buang*. Dari segi jumlah suku kata juga tergolong sempurna dengan mempunyai 9 suku kata. Mengikut Za'ba, dalam bukunya *Ilmu Mengarang Melayu* (1962 : 224), sebuah pantun dikatakan paling sempurna dari segi jumlah suku katanya jika ia mempunyai 9-10 suku kata. Keadaan yang sama berlaku pula pada pantun kedua; bahkan di sini terdapat pengulangan atas beberapa perkataan *dari* dalam setiap baris yang sejajar (a-b-c-d) dan responsi perkataan *mana* pada a-c. Bagaimanapun, dari segi pemilihan kata, perulangan seperti ini tidaklah digalakkan. Ini mungkin kerana fungsi pantun ialah untuk didengar, melalui ucapan dan nyanyian (Harun Mat Piah, 1989 : 125).

Selain daripada perulangan seperti yang telah dikemukakan di atas, terdapat pula perulangan dengan cara lain, seperti nampak pada contoh-contoh berikut ini:

*Kalau berburu pergi ke padang,
Dapatlah rusa si belakang kaki;
Kalau gadis boleh dipinang
Kalau janda nikah pun jadi.
(Matsah Hasan, No. 24)*

*Ada air ada ikan,
Ada batang cendawan tumbuh;
Ada adik ada abang,
Di situ tempat numpang berteduh.*

*Lagi dahulu tikar mengkuang,
Sekarang ini bertikar pucuk;
Lagi dahulu mengapa saya dibuang,
Sekarang ini mengapa saya dipujuk?*

*Alangkah sakit menjala ikan,
Ikan dijala ikan juara;
Alangkah sakit mencari makan,
Makan dicari jual suara.
(Sufifah, No. 109, 126, dan 18)*

Perulangan-perulangan seperti yang ditulis dengan huruf tegak, mengikut Harun Mat Piah, tidak pula dianggap rendah mutunya daripada segi estetika dan buah fikiran yang terkandung di dalamnya. Sebaliknya, Za'ba (1962 : 225) menganggap bahawa perulangan-perulangan serupa itu membuktikan orang yang mengarangnya hanya ingin mengambil senang sahaja.

a. Kehadiran Klimaks

Menurut Gabriel Altmann, dalam kertas kerjanya yang bertajuk "The Climax in Malay Pantun" (1965 : 13), yang dikutip oleh Harun Mat Piah (1989 : 126), klimaks (*climax*) adalah sebagai berikut:

Either a gradual increase of the extension or intension of each succeeding unit within a sequence of units of the same kind or

immediate increase of the extension or intension of the last unit within a sequence of units of the same kind. According to this definition we may distinguish a gradual and an instantaneous climax respectively. The sequence of units within which the climax occurs will be called construction.

Berdasarkan kepada penjelasan tersebut, dapatlah difahami bahawa klimaks (*climax*) adalah perpanjangan atau penambahan daripada segi unit perkataan pada baris-baris pantun menurut kedudukannya, baik yang beransur-ansur mahupun yang seketika. Klimaks tersebut, mengikut premis yang dikemukakan oleh Harun Mat Piah (1989 : 129), berlaku antara kedua-dua pasangan iaitu pembayang dan maksud, walaupun pada hakikatnya pada baris-baris yang berlainan. Kesimpulannya adalah sebagai berikut:

- i. Terdapat kesamaan jumlah suku kata atau panjang perkataan antara pembayang (pasangan I) dan maksud (pasangan II), misalnya dalam pantun di bawah ini:

<i>Sudah kapas menjadi benang</i>	9	
<i>Sudah benang menjadi kain;</i>	9	
<i>Sudah lepas jangan dikenang,</i>	9	
<i>Sudah menjadi orang lain.</i>	9	18 : 18
<i>Alang sakit menganyam nyiru,</i>	9	
<i>Nyiru dianyam tengah halaman;</i>	10	
<i>Alang sakit menanggung rindu,</i>	9	
<i>Tidur tak sedap makan tak nyaman.</i>	10	19 : 19
<i>(Sufifah, No. 83 dan 99)</i>		

- ii. Terdapat keadaan yang berbeza antara pasangan pertama (pembayang) yang lebih panjang perkataannya daripada pasangan kedua (maksud); misalnya:

<i>Ikan juara jangan dipanggang,</i>	10	
<i>Kalau dipanggang nitis lemaknya;</i>	10	
<i>Anak dara jangan dipandang,</i>	9	
<i>Kalau dipandang marah maknya.</i>	9	20 : 18
<i>(Sufifah, No. 115)</i>		
<i>Nasi sejuk dikerumun semut,</i>	10	
<i>Anak Belanda turun ke kapal;</i>	10	
<i>Kalau sejuk tarik selimut,</i>	9	
<i>(Nurifah Hasan, No. 6)</i>		

iii. Terdapat perbezaan yang paling jelas antara pasangan kedua yang lebih panjang daripada pasangan yang pertama; misalnya:

<i>Cengkodok di tepi hutan,</i>	8	
<i>Kunang-kunang kusangka bunga;</i>	9	
<i>Biar terduduk di gunung intan,</i>	10	
<i>Hati tak senang apa gunanya.</i>	10	17 : 20
<i>(Sulaiman Daud, No. 45)</i>		
<i>Tuan Khatib tuan Bilal,</i>	8	
<i>Pasang pasak haluan perahu;</i>	10	
<i>Biarpun anak Khatib, biarpun anak Bilal,</i>	14	
<i>Kalaupun tak belajar manakan tahu.</i>	12	18 : 26
<i>(Zainab, No. 76)</i>		

Terjadinya klimaks dalam sesuatu binaan pantun, sudah tentu, akan membangkitkan minat dan perhatian bagi para pengkajinya, seperti Harun Mat Piah, misalnya. Kerana kajian ini tidak memberatkan kepada perkara-perkara yang bersifat kebahasaan (linguistik), maka alasan mengapa sampai terjadi klimaks dalam sebuah pantun, tidak dicantumkan.

Unsur-unsur Dalaman

Lambang dan Perlambangan

Lambang dan perlambangan (simbol) masuk ke dalam unsur - unsur dalaman yang penggunaannya sangat luas dan dianggap penting dalam pantun Melayu.

Bahkan penggunaan lambang - lambang tersebut tidak hanya terbatas pada pantun sahaja melainkan juga pada genre puisi Melayu tradisional lainnya, seperti syair, seloka, gurindam, teka-teki dan sebagainya. Kepentingan penggunaan lambang-lambang dalam pantun Melayu sebenarnya erat hubungannya dengan lambang-lambang yang sudah biasa digunakan dalam kehidupan masyarakat, seperti dalam adat-istiadat, upacara-upacara, kepercayaan dan sebagainya. Dengan demikian, penggunaan lambang-lambang tersebut akan sentiasa selaras dengan atau tidak jauh berbeza daripada penggunaan lambang-lambang dalam segala kegiatan masyarakat itu sendiri.

Dari segi puisi, aspek perlambangan ini merupakan aspek yang rapat sekali hubungannya dengan keseluruhan nilai estetika sebuah puisi (Harun Mat Piah, 1989 : 132). Sebuah pantun yang dicipta dengan menggunakan lambang-lambang yang tepat, segar dan berkesan, bukan sahaja akan bernilai estetika yang tinggi dan memperhalus budi bahasa, tetapi juga memperlihatkan kebolehan yang mengagumkan daripada penciptanya dan juga dapat membangkitkan minat dan perhatian pendengarnya. Lebih-lebih lagi apabila lambang-lambang tersebut terdapat pada kedua-dua koplet, iaitu pembayang dan maksud. Oleh itu, penggunaan lambang-lambang dalam pantun dapat membantu menghayati dan mengarahkan serta memperkuat komunikasi. Dengan perkataan lain, lambang-lambang itu ikut berperanan dalam komunikasi manusia (komunikasi simbolik), sebab dapat menciptakan suasana baru yang menghendaki tanggapan (Bakker, 1978 : 101).

Penggunaan lambang-lambang yang banyak ditemui pada pantun Melayu pada hakikatnya tidak dapat dilepaskan daripada tradisi orang Melayu, iaitu yang

berlangsung dalam bentuk kias, ibarat dan perumpamaan, . . . (Hamidy, 1986 : 26). Dengan demikian, orang Melayu lebih suka menggunakan buah fikiran dan perasaannya melalui kata-kata *konotatif*, bukannya *denotatif*, sehingga orang lain mengesani tidak logik dan ilmiah (*Ibid.*, 30).

Patut dikemukakan di sini bahawa kata-kata itu secara garis besar dapat dibezakan, misalnya kata-kata yang biasa dan kata-kata simbolik. Salah satu ciri daripada kata-kata yang biasa (kata-kata *denotatif*) ialah cenderung amat terikat kepada masa dan zaman, sehingga tidak bertahan lama. Sebaliknya, kata-kata simbolik (kata-kata *konotatif*) yang mendukung sesuatu gagasan relatif tak berubah dan bertahan lama atau berjangka panjang. Selain itu, kata-kata tersebut dapat menggantikan atau mewakili sesuatu dengan menghindari cara yang berterusterang kepada cara yang tersembunyi (Baker, 1978 : 98-99; Hamidy, 1986 : 66).

Istilah lambang (*symbol*) mempunyai banyak erti, antara lain 'tanda' (*sign*). Seringkali pengertian lambang atau simbol terbatas pada 'tanda konvensional' (*conventional sign*), iaitu

'4. Sesuatu yang dibangun oleh masyarakat atau individu-individu dengan erti tertentu yang kurang lebih standar yang disepakati atau dipakai anggota masyarakat itu. Erti simbol dalam konteks ini sering dilawankan dengan tanda alamiah' (Runes, 1963 : 308; Lorens Bagus, 1996 : 1007).

Penggunaan lambang - lambang dalam berbagai - bagai kegiatan manusia lazim dikenal dengan 'simbolisme' (*symbolism*), iaitu perangkat lambang-lambang yang saling berhubungan (Reading, 1986 : 428). Pada mulanya simbolisme merupakan suatu gerakan sastera daripada kelompok penyair Perancis antara 1885

dan 1895 yang diilhami oleh seorang pemimpin keagamaan Swedia, Emmanuel Swedenberg. Gagasan pokoknya adalah realiti yang tampak adalah lambang kejiwaan yang tampak (*Ensiklopedia Indonesia*, 6, 1983 : 3178; *Runes*, 1963 : 308).

Perbincangan lambang atau simbol yang digunakan dalam pantun Melayu juga mempunyai erti konvensional, iaitu apa yang sudah biasa difahamkan dalam bahasa Melayu sebagai perbandingan, penyerupaan, kiasan, ibarat dan peribahasa. (Harun Mat Piah, 1989 : 133) Pengertian ini tidak jauh berbeza daripada pengertian lain mengenai simbol, iaitu '2. Kata, tanda, isyarat, yang digunakan untuk mewakili sesuatu yang lain: erti, kualiti, abstrak, gagasan, objek' (Lorens Bagus, 1996 : 1007).

Sepertimana telah dikemukakan sebelumnya bahawa manusia membina hidup dan kehidupannya di dunia ini dengan menghubungkan diri dengan alam ciptaan Tuhan. Selain daya fikir, pancaindera, seperti penglihatan, pendengaran, penciuman dan sebagainya, juga mempunyai peranan penting sebagai alat penghubungnya. Misalnya, melihat keindahan pemandangan, bentuk, warna dan ukuran sesuatu berikutan perubahan-perubahan kerana musim dan cuaca, mencium bau sesuatu, mendengar bunyi burung, suara ombak, angin, hujan dan guruh. Semuanya itu di samping menjadi tanda kekuasaan dan kebesaran Tuhan (Q.S. al-Rūm, 30 : 24), juga menjadi hiasan yang dapat dinikmati oleh manusia. Firman Tuhan:

إنا جعلنا ما على الأرض زينة لهم لئلا يبلغواهم أيهم أحسن عملا

Yang bermaksud: 'Sesungguhnya Kami telah menjadikan apa yang ada di muka bumi ini menjadi hiasan baginya agar Kami dapat menguji mereka siapa di antara mereka yang paling baik amalannya' (Q.S. al-Kahfi, 15 : 7).

Oleh itu, bagi orang Melayu, alam dilihat bukan sahaja sebagai anugerah Tuhan

yang tiada ternilai harganya untuk manusia, tetapi juga sebagai ruang untuk manusia bercermin dirinya dan sekaligus dapat dinikmati sebagai pengalaman seni (Muhammad Haji Salleh, 1996 : 112-13). Sikap tersebut merupakan hasil daripada pengalaman dan pengetahuan mereka tentang keakraban dan kepekaannya terhadap alam semula jadi, baik flora mahupun fauna, terutama yang dianggap *indah*.

Burung, ikan dan bunga, misalnya, yang banyak terdapat di negeri tropika ini mereka amati dan pelajari wataknya dan mereka bandingkan kelakuannya dengan kelakuan manusia, sehingga mereka dapat mengambil manfaat atau pelajaran daripadanya. Pengalaman dan pengetahuan mereka tentang burung, ikan dan bunga tersebut kemudian dikutip dan dibawa ke dalam pantun sebagai seninya. Pada mulanya maksud utama pengutipan kata-kata itu mungkin untuk memberi peluang kepada pembayang bunyi, iaitu untuk melengkapkan kata dan bunyi sahaja. Akan tetapi kemungkinan besar setelah beberapa lama digunakan pasangan bunyi-makna ini diterima luas, kemudian hampir menjadi kod dan terus dipakai (*Ibid.*,114), misalnya:

Pasangan *burung* dan maksud

*Sayang tekukur di pohon asam,
Bari-bari di muka pintu;
Mahu kutegur mukanya masam,
Sehari-hari tiada begitu.
(Matsah Hasan, No. 13)*

*Burung jelatik burung jeladan,
Burung tekukur terbang tinggi;
Sama cantik sama sepadan,
Mari diukur sama tinggi.
(Sufifah, No. 67)*

Pasangan *ikan* dan maksud:

*Anaklah ikan dimakan ikan,
Ikan di laut panjang durinya;
Anakku bukan saudaraku bukan,
Hatilah sangkut kerana budinya.
(Sufifah, No. 17)*

*Ikan juara jangan dipanggang,
Kalau dipanggang nitis lemaknya;
Anak dara jangan dipandang,
Kalau dipandang marah emaknya.
(Nurifah Hasan, No. 53)*

Pasangan *bunga* dan maksud:

*Bunga anggerik di atas pagar,
Pagarlah sesak dengan pantunnya;
Jangan tercarik jangan terbakar,
Janganlah dirosak orang yang punya.
(Matsah Hasan, No. 169)*

*Bunga melati bunga di darat,
Bunga seroja di tepi kali;
Hina besi kerana karat,
Hina manusia tidak berbudi.
(Sufifah, No. 232)*

Dalam pantun tersebut di atas, terdapat pasangan-pasangan bunyi - makna, iaitu: pada pasangan *burung*: *tekukur-tegur* dan *bari-bari-sehari-hari*, *jelatik-cantik* dan *tekukur-ukur*; pada pasangan *ikan*: *ikan-bukan* dan *laut-sangkut*, *juara-dara* dan *panggang -pandang*; dan pada pasangan *bunga*: *anggerik-carik* dan *sesak-rosak*, *melati-besi* dan *seroja-manusia*.

Contoh - contoh penggunaan pasangan bunyi - makna tersebut di atas kelihatannya hampir semuanya berupa rekaan pemantun. Akan tetapi kerana benda-benda tersebut berakar di bumi Nusantara yang subur dan penggunaannya hampir meluas dan berterusan, maka secara alamiah dapat menawarkan lambang yang

sesuai dengan objek yang dipilih pemantun (warna, bentuk dan baunya). Kemudian timbullah suatu jalinan lambang-maksud yang hampir mendekati suatu kod, yang secara konsisten terdapat pada beberapa pantun Melayu.

Berdasarkan kepada huraian di atas dapatlah difahami bahawa lambang-lambang ini ada kalanya berfungsi sebagai perbandingan, seperti burung 'merpati,' dilambangkan sebagai kesetiaan, 'ikan seluang atau ikan selangat,' dilambangkan sebagai memiliki semangat atau hemah yang kuat; ada kalanya selain sebunyi juga mempunyai erti yang hampir sama, seperti 'selasih,' dilambangkan sebagai kasih, 'padi,' dengan budi, jadi, hati dan hari, 'layang-layang,' dengan kasih-sayang dan sebagainya; dan ada kalanya pula ertinya sama dengan peribahasa, seperti 'pungguk merindukan bulan,' 'sudah menjadi darah-daging,' 'tak lari gunung dikejar,' dan sebagainya.

Penggunaan lambang-lambang dalam pantun yang diambil daripada benda - benda konkrit dan abstrak, mengikut Harun Mat Piah (1989 : 134-36; 2001 : xxviii-xi), dan dengan contoh - contoh pantun yang dipetik daripada rakaman di Pontianak dapat dikemukakan sebagai berikut:

1. Perlambangan daripada objek yang konkrit dan digunakan sebagai perbandingan kepada idea yang abstrak; misalnya 'merpati' melambangkan sebagai kesetiaan kekasih dan 'ikan selangat dan ikan seluang' melambangkan sebagai mempunyai semangat atau hemah yang kuat; contohnya:

*Burung merpati dua sejoli,
Terbang dua sekawan;
Di mana ada matahari,*

*Di situ ada bulan.
(Sufifah, No. 146)*

*Ikan selangat ikan seluang,
Belah belakang ambil hatinya;
Kusmangat tuan seorang,
Tolak belakang ada gantinya.
(Ramlah, No. 105)*

2. Lambang-lambang 'telus' (*transparent*). Lambang-lambang ini sama ertinya dengan metafor. Penggunaan metafor dalam bahasa sastra dipandang sebagai bahasa yang bermutu tinggi, kerana fikiran dan perasaan yang diungkapkan di dalamnya dengan jernih dan halus (Hamidy, 1986 : 29), menghindari cara pengungkapan yang berterusterang kepada cara yang tersembunyi (*Ibid.*, 66). Fungsinya untuk menggantikan atau mewakili sesuatu dalam berkomunikasi (*Ibid.*,67). Dengan demikian, di dalam perlambangan terdapat hubungan yang rapat antara objek, perkataan dan erti. Satu perkataan berhubungkait dengan perkataan lain yang tidak saja sebunyi, melainkan mempunyai erti yang hampir sama. Selasih, misalnya, adalah suatu objek yang konkrit, dikaitkan dengan kasih, suatu idea yang abstrak. Demikian pula padi dihubungkan dengan budi, jadi, hati dan hari. Walaupun pemilihan objeknya tidak dilakukan secara sewenang-wenang, namun hampir semua kata *pandan* dalam pantun Melayu menjadi rujukan kepada badan, padahal masih cukup banyak dari segi bunyi perkataan-perkataan lain; contoh:

*Buah selasih airnya ungu,
Berderai juga akan buahnya;
Tuan kasih jangan nak jemu,
Bercerai juga akan sudahnya.
(Sufifah, No. 106)*

*Kalau padi dikatakan padi,
Jangan padi ditampi-tampi;
Kalau jadi dikatakan jadi,
Jangan saya duduk menanti.
(Ramlah, No. 9)*

*Pandan orang pandan berbuah,
Pandan saya berbuah layu;
Badan orang badan bertuah,
Badan saya terbang layu.
(Sufifah, No. 76)*

3. Perlambangan *peribahasa* atau *teganan kias*. Penggunaan objek yang konkrit di sini ertinya hampir sama dengan *peribahasa*. Misalnya perkataan ‘burung tiung,’ yang mungkin dipelihara di rumah, dalam sangkar, dijadikan lambang bersendirian dan nasib malang, ‘menjadi darah-daging’ dijadikan lambang kesatuan yang tak dapat dipisahkan, dan sebagainya; contohnya:

*Burung tiung beranak tunggal,
Hinggap di atas bumbung;
Ibu mati ayah meninggal,
Pada siapa hendak bergantung.
(Sufifah, No. 244)*

*Mahulah tuang tiada tertuang,
Sudah menjadi sejempul gading;
Mahulah buang tiada terbang,
Sudah menjadi darah dan daging.
(Matsah Hasan, No. 59)*

4. Perlambangan daripada sumber ‘*mitos*,’ termasuk pula cerita-cerita lisan dan sejarah tempatan, peristiwa sehari-hari dan sebagainya, dijadikan sebagai lambang atau perbandingan; contohnya:

*Dua kali perang Mempawah,
Sayang Penembah mudik ke hulu;
Tidak kuturut serba salah,
Sudah perintah duli tuanku.
(Ramlah, No. 156)*

*Batang said berkelit-kelit,
Melilit di belakang kota;
Sultan Syarif mudik berbalik,
Takut ditembak Bujang Lela Melaka.
(Alqadrie & Tangdililing, 1980 : 63)*

*Goreng ubi goreng keladi,
Mari digoreng dalam kualii;
Jepun datang Belanda lari,
Habis gudang dimakan api.
(Matsah Hasan, No. 75)*

Pantun pertama menceritakan perang saudara antara Sultan Sharif Kasim dari Kerajaan Pontianak dengan pamannya Asiwijaya, yang bergelar Gusti Jati, dari Kerajaan Mempawah. Sultan Sharif Kasim menyerang Kerajaan Mempawah dan berjaya mengalahkan pamannya. Gusti Jati pun menyingkir ke daerah kerajaan lama diikuti oleh pengikut-pengikutnya yang setia. Setelah beliau menghimpun kekuatan, baharulah beliau melakukan serangan balasan terhadap Sultan Sharif Kasim yang berada di benteng pertahanannya, yang terletak di samping kiri keraton Kerajaan Mempawah. Akhirnya, Sultan Sharif Kasim dapat dikalahkan dan lari ke Pontianak. Oleh itu, dalam pantun ini dikatakan *Dua kali perang Mempawah*. Kemudian untuk menghindari serangan balasan dari Kerajaan Pontianak, Gusti Jati memutuskan untuk meninggalkan kota Mempawah ke perhuluan (Alqadrie & Tangdililing, 1980 : 62). Walaupun keputusan ini dirasakan berat oleh pengikut-pengikutnya (*Tidak kuturut serba salah*), namun kerana ini merupakan perintah raja, maka mereka pun terpaksa mematuhi (Sudah perintah duli tuanku). Peristiwa ini (perang dua kali Mempawah) sempat dirakam dalam bentuk pantun seperti yang dikutip di atas.

Pantun kedua menceritakan perang antara Sultan Sharif Kasim dari Kerajaan Pontianak dengan Pangeran Usman, yang bergelar Penembahan Usman Paku Kesuma Negara, dari Kerajaan Sanggau. Walaupun kedua - kedua kerajaan itu telah lama menjalin persahabatan, misalnya perkahwinan, namun konflik antara keduanya berakhir dengan peperangan. Mungkin yang menjadi punca atau penyebab peperangan tersebut adalah perluasan wilayah atau perebutan pengaruh dan

persoalan cukai kapal yang banyak melintasi Sungai Kapuas. Ternyata serangan yang dilakukan Sultan Sharif Kasim terhadap Pangeran Usman dapat dipatahkan Sultan Sarif mudik berbalik, *Takut ditembak Bujang Lela Melaka*. Peristiwa ini tetap dikenang oleh rakyat Sanggau, terutama yang tua-tua, terbukti dengan diciptanya pantun yang telah dikutipkan di atas.

Sedangkan pantun yang ketiga, sepertimana telah dikemukakan pada bab sebelumnya, menceritakan penderitaan dan kesengsaraan rakyat Pontianak pada masa penjajahan Jepun. Akibat daripada penderitaan tersebut (kelaparan dan pelbagai wabak penyakit) sehingga mereka membakari gudang - gudang yang diperkirakan menyimpan bahan-bahan makanan (*Habis gudang dimakan api*). Kemudian peristiwa yang memilukan ini sempat diabadikan dalam bentuk pantun.

Patut ditambahkan di sini bahawa lambang - lambang yang terdapat dalam pantun, sebenarnya bukan sahaja berasal daripada alam semula jadi, melainkan juga sampai merambah ke benda - benda budaya. Lambang - lambang ini kebanyakannya muncul dalam maksud, seperti kain, bantal, pangkalan/tempat mandi, keris dan sebagainya; contoh:

Perkataan *kain* dalam maksud:

*Pisang emas dibuat inti,
Jatuh ke tanah digonggong semut;
Tidur malam termimpi-mimpi,
Kain adik buat selimut.
(Sufifah, No. 145)*

*Tudung periuk pandai menari,
Buatan anak raja Melaka;
Kain buruk simpankan kami,
Buat mengesat air mata.
(Ramlah, No. 45)*

Perkataan *bantal* dalam maksud:

*Kalaulah datang kapal letnan,
Tariklah jangkar lautan embung;
Kalaulah datang hati terkenang,
Ambillah bantal tariklah selubung.
(Sufifah, No. 11)*

*Nasi sejuk dikerumun semut,
Anak Belanda turun ke kapal;
Kalau sejuk tarik selimut,
Kalau rindu tariklah bantal.
(Nurifah Hasan, No. 6)*

Perkataan *pangkalan/tempat mandi* dalam maksud:

*Merak mengilai di dalam taman,
Mati dipatuk si ular lidi;
Tinggal kampung tinggal halaman,
Tinggallah tempat kolamku mandi.
(Matsah Hasan, No. 158)*

*Dari Hongkong pergi ke Yaman,
Singgah sebentar ke Inderagiri;
Tinggallah kampung tinggal halaman,
Tinggallah tempat bekasku mandi.
(Sh. Laila, No. 33)*

Perkataan *keris* dalam maksud:

*Kunang-kunang terbang sangkut,
Air pasang menyapu lantai;
Tunang tuan tidak saya takut,
Keris di pinggang sudah kucanai.
(Sufifah, No. 150)*

*Apa guna kepuk di ladang,
Kalau tidak berisi padi;
Apa guna keris di pinggang,
Kalau tidak berani mati.
(Ramlah, No. 47)*

Penggunaan perkataan *kain* dalam contoh pantun yang pertama menggambarkan perasaan kerinduan lelaki kepada perempuan yang dicintainya

semasa dalam perantauan. Mungkin sudah merupakan kelaziman dalam tradisi Melayu masa silam lelaki meminjam kain panjang kepunyaan perempuan yang dicintai jika ia akan pergi merantau. Kain tersebut akan menjadi selimut baginya, ketika tidur sendirian atau bersama teman – temannya (Kain adik buat selimut), sehingga tidaklah menghairankan jika kain yang dijadikan selimut itu akan menjadi sumber jenaka dan bahan gelak ketawa bagi rakan-rakannya. Sebaliknya, bagi lelaki itu sendiri, kain perempuan yang dipinjam itu merupakan sebuah lambang atau metafor, iaitu sebagai ganti kehadiran dan kedekatannya. Boleh jadi kerana begitu haru dan cintanya semasa akan berangkat merantau, ia meminta kepada kekasihnya untuk mengkurungkan/ mengenakan kain tersebut sebatas tubuh. Jika dalam perantauan ia tidak beruntung, maka kain tersebut akan dijual untuk bekalan kembali, seperti pada pantun:

*Tanam jemeli tiada tumbuh,
Dahan dan ranting dibuat tali;
Kurungkan kain sebatas tubuh,
Untuk bekal abang kembali.
(Matsah Hasan, No. 85)*

Keadaan yang sama berlaku pada pantun berikutnya yang menggunakan perkataan *bantal*. Walaupun bantal tidak dipinjam daripada perempuan yang dicintai dan tidak pula dibawa dari rumah, namun secara khas bantal yang digunakan untuk tidur itu dapat menggantikan kerinduan dan kenangannya, misalnya dengan memeluk, menepuk atau menariknya. Malahan dalam pantun lainnya, bantal dapat menjadi pengganti pertemuannya, sekalipun hanya dalam mimpi:

*Malam ini malam Jumaat,
Pasang lilin di hujung titi;
Tepuk bantal tarik selimut,
Kita bertemu dalam mimpi.
(Sulaiman Daud, No. 13)*

Patut ditambahkan di sini bahawa selain daripada kerinduan kepada perempuan yang dicintainya, juga kerinduan kepada kampung halaman dan tempat yang biasa digunakan untuk mandi sangat tinggi kadarnya bagi puak Melayu di rantau. Kerinduan kepada kampung halaman dan pangkalan/kolam mandi demikian kuatnya, terutama jika si perantau berada dalam keadaan susah atau tidak beruntung. Hal ini tercermin dalam pantun berikut:

*Kalau begini petangnya hari,
Sedang balik dari ladang;
Kalau begini rasa di hati,
Baik menumpang perahu dagang.
(Matsah Hasan, No. 82)*

Sedangkan penggunaan perkataan *kain buruk* pada pantun kedua berbeza maknanya dengan pantun pertama, iaitu melambangkan kasih sayang yang teruji atau mungkin gagal. Ini diperkuat oleh baris berikutnya (maksud), iaitu *Buat mengesat air mata*.

Selanjutnya, penggunaan perkataan *keris* pada pantun yang terakhir melambangkan keberanian. Keri, bagi penghuni asli Kepulauan Nusantara ini, terutamanya pada masa silam, merupakan senjata yang dibanggakan dan mungkin dikeramatkan. Bahkan keris seringkali diberi nama tertentu. Sesiapa yang memiliki keris, lebih-lebih yang dipercayai bertuah dan sakti, akan merasa bertambah keberaniannya dan mungkin pula bertambah wibawa dan kebesarannya (pantun pertama). Oleh itu, sangatlah ganjil atau tak masuk di akal jika seseorang yang sudah menyelitkan keris di pinggang justeru dia menjadi penakut, ibarat tak berani bertanding dalam laga (pantun kedua).

3.3 Bentuk dan Struktur Pantun

Sebagaimana telah diuraikan di atas, pantun mempunyai bentuk dan ciri-ciri tersendiri; antaranya yang penting ialah sejajar dan berpasangan, semukur (*symmetrical*) dan '*reciprocal*' (Muhammad Haji Salleh, 1979 : 73-74). Pada umumnya pantun terdiri daripada empat baris dan sudah biasa dilambangkan dengan huruf **a-b-a-b**; dua baris pertama disebut 'pembayang' atau 'sampiran' dan dua baris yang terakhir disebut 'maksud.'

Dengan bentuknya yang tetap, maka pantun-pantun dapat dikelompokkan atau dijeniskan atas dasar jumlah baris serangkap. Dengan penjenisan sebegini, ada pantun dua baris (atau pantun dua kerat atau pantun kilat), empat baris, enam baris, lapan baris hinggalah enam belas baris. Selain itu ada pantun lain yang dikenal dengan 'pantun berkait.'

Bagaimanapun, umumnya pantun dibahagi kepada empat:

1. *Pantun dua baris – yang dikenali juga sebagai pameo atau pantun kilat,*
2. *Pantun empat baris,*
3. *Pantun yang lebih dari empat baris, dan*
4. *Pantun berkait' (Zainal Abidin Bakar, 1984 : 25).*

Jenis-jenis pantun tersebut tidak akan dibicarakan semuanya, kecuali pantun empat baris dan pantun berkait. Alasannya ialah kedua-dua jenis pantun ini ada dalam hafazan responden yang penulis selidiki, dan oleh itu akan menjadi pembicaraan pokok dalam kajian selanjutnya. Selain itu, kedua-dua jenis pantun ini, terutamanya pantun empat baris sudah begitu populer dan mudah dihafaz. Pantun

empat baris sudah banyak dibicarakan, sementara pantun berkait, atau dikenal juga dengan nama 'pantun terikat' dapat diberikan penjelasan secara ringkas seperti di bawah ini.

Daripada segi peranannya, pantun ini menyerupai syair, kerana ide yang hendak disampaikan berlanjutan dari satu rangkap kepada rangkap berikutnya. (Mohd.Taib Osman, 1975 : 12). Akan tetapi perbezaannya dengan syair, iaitu perlanjutan itu melibatkan bukan sahaja ide yang hendak disampaikan tetapi juga bahan puisinya. Baris kedua dalam rangkap pertama menjadi baris pertama dalam rangkap kedua, dan pasangannya baris keempat menjadi baris ketiga bagi rangkap kedua. Begitulah seterusnya, rangkaian itu disambung dari satu rangkap ke rangkap berikutnya sehingga membentuk satu wacana yang lengkap. Ringkasnya, pantun berkait ialah pantun yang saling berkaitan di antara satu rangkap dengan rangkap yang berikutnya sehingga beberapa rangkap untuk membentuk satu wacana yang lengkap (Zainal Abidin Bakar, peny., 1984 : 26).

Dengan huraian sekilas tersebut di atas dapatlah difahami bahawa mengarang pantun berkait itu tidak semudah mengarang pantun biasa atau empat baris, kerana penyair akan sentiasa terkongkong oleh jalan cerita atau persambungan idea yang harus diutamakan dan bahan puisinya (Harun Mat Piah, 1989 : 153). Contohnya dapat dikemukakan sebagai berikut:

*Dari Sibu ke Pulau Kelapa,
Layang jinak jatuh tenggelam;
Ibu dan bapa sayangkan anak,
Jagalah dia siang dan malam.*

*Layang jinak jatuh tenggelam,
Singgah sebentar rumah mBok Ijah;*

*Jagalah dia siang dan malam,
Jangan sampai terpengaruh ganja.*

*Singgah sebentar rumah mBok Ijah,
Taruh besi di atas meja;
Kalau sudah terpengaruh ganja,
Rosak sudah generasi muda.*

*Taruh besi di atas meja,
Dibawa pergi ke desa;
Kalau sudah rosak generasi muda,
Siapa lagi harapan bangsa.
(Sh. Laila, No. 55, 56, 57 dan 58)*

Data lapangan yang berhasil dikumpulkan menunjukkan bahawa selain daripada contoh-contoh pantun berkait tersebut di atas, ada pula teknik berkait dalam bentuk lain, iaitu yang terkait dengan persoalan pokoknya. Misalnya, pantun “Nama-nama Hari” dari Jumaat hingga Khamis, dan pantun “Anak Ayam” yang dikaitkan oleh bilangannya dari sebelas atau sepuluh hingga akhirnya anak ayam tersebut habis mati. Dengan rangkap-rangkap sebegini pantun berkait tersebut dianggap selesai, kerana hubungannya sudah tidak ada lagi; contohnya:

Pantun Nama-nama Hari:

*Malam ini malam Jumaat,
Malam besok malam Sabtu;
Jangan suka berbuat jahat,
Mari sembahyang lima waktu.*

*Malam ini malam Sabtu,
Malam besok malam Ahad;
Mari sembahyang lima waktu,
Jangan suka membuat jahat.*

.

*Malam ini malam Isnin,
Malam besok malam Selasa,
Sebab kita orang Muslimin,
Cantik badan akhir binasa.
(Sufifah, No. 56-59)*

Malam ini malam Jumaat,

*Malam besok malam Sabtu;
Minta doa biar selamat,
Jangan meninggalkan sembahyang lima waktu.*

*Malam ini malam Ahad,
Malam besok malam Isnin;
Jangan suka berbuat jahat,
Tanda kita orang Muslimin.*

*Malam ini malam Isnin,
Malam besok malam Selasa;
Tanda kita orang Muslimin,
Jangan kita berbuat jahat.*

*Malam ini malam Selasa,
Malam besok malam Rabu;
Jangan kita berbuat dosa,
Akhirnya kita dipukul dengan semambu.*

*Malam ini malam Rabu,
Malam besok malam Khamis;
Jangan kita duduk mengabu,
Akhirnya kita di rumah panis
(Zainab, No. 3 - 7)*

*Malam ini malam Jumaat,
Malam besok malam Sabtu;
Kita bekerja dengan selamat,
Supaya kita jadi tentu.*

*Dan seterusnya sampai malam Khamis. (Lihat dokumen teks)
(Ramlah, No. 7 - 23)*

Berdasarkan kepada kutipan pantun berkait tersebut di atas dapatlah diberikan beberapa catatan sebagai berikut:

- a. Seluruhnya bertema agama.
- b. Daripada ketiga - tiga responden yang hafaz, dua di antara mereka hafaz sebahagian dan seorang hafaz seluruhnya.
- c. Walaupun seluruhnya bertema agama, namun wacana yang terkandung di dalamnya saling berlawanan, kecuali sebahagian kecil sahaja yang ada kemiripannya.

Pantun *Anak Ayam*:

*Anak ayam turun sepuluh,
Mati satu tinggal sembilan;
Anak orang jangan digaduh,
Kalau digaduh menjadi halangan.*

*Anak ayam tinggal sembilan,
Mati satu tinggal lapan;
Anak orang jangan digaduh,
Apa dibuat menjadi gampang.*

*Dan seterusnya sampai Anak ayam tinggal dua.
(Lihat, dokumen teks.) (Ramlah, No. 25-33)*

*Anak ayam turun sebelas,
Mati satu tinggal sepuluh;
Kain basah bagai diperas,
Hati di dalam hancur luluh.*

*Anak ayam turun sepuluh,
Mati satu tinggal sembilan;
Kain basah bagai diperas,
Mari kita turun berjalan.*

*Dan seterusnya sampai Anak ayam turun dua.
(Lihat, dokumen teks.) (Bujang Daim, No. 27-36)*

Seperti halnya pada pantun Nama - nama Hari, pantun *Anak Ayam* juga dapat diberikan beberapa catatan sebagai berikut:

- a. Pantun pertama bertema nasihat dan pantun kedua bertema agama.
- b. Pantun pertama dimulai dari bilangan sepuluh dan pantun kedua dimulai dari bilangan sebelas. Seterusnya bilangan daripada kedua-duanya habis mati dan dianggap selesai kerana penghubungnya sudah tidak ada lagi.

Dengan memperhatikan contoh - contoh pantun berkait tersebut di atas jelas bahawa seluruhnya mengandungi wacana yang saling berbeza. Dengan perkataan lain, hafazan antara seorang responden dengan responden lainnya tidak sama, kecuali pada pembayangannya sahaja.

3.4 Tema dan Fungsi Pantun

Para pengkaji puisi Melayu tradisional telah bersepakat bahawa pantun merupakan salah satu daripada dua genre puisi Melayu tradisional yang boleh dianggap sebagai yang paling muktamad. Tidak ada percanggahan dalam penggolongannya, berdasarkan bentuk, selain dalam pengklasifikasiannya, berdasarkan tema (Harun Mat Piah, 1989 : 43). Contoh-contoh pengklasifikasian atau penjenisan pantun berdasarkan pada tema di bawah ini memperkuat pernyataan berkenaan.

Penyusun buku *Pantun Melayu* (Balai Pustaka, 1958 : 23), memerinci tema-tema pantun menjadi :

1. *Pantun anak-anak:*
 - a. *Pantun bersukacita*
 - b. *Pantun berdukacita.*
2. *Pantun orang muda:*
 - a. *Pantun dagang atau pantun nasib*
 - b. *Pantun muda*
 - c. *Pantun jenaka*

Pantun muda terbahagi kepada empat:

 - a. *Pantun berkenalan*
 - b. *Pantun berkasih-berkasihan*
 - c. *Pantun bercerai*
 - d. *Pantun berhibahati.*
3. *Pantun orang tua:*
 - a. *Pantun nasihat*
 - b. *Pantun adat*
 - c. *Pantun agama.*

Zainal Abidin Bakar (Peny.), dalam bukunya *Kumpulan Pantun Melayu*(1984 : 30-31), membahagi pantun kepada sebelas bahagian, iaitu:

1. *Pantun adat dan resam manusia*
2. *Pantun agama dan kepercayaan*

3. *Pantun budi*
4. *Pantun jenaka dan permainan*
5. *Pantun teka-teki*
6. *Pantun kepahlawanan*
7. *Pantun pendidikan dan nasihat*
8. *Pantun peribahasa dan perkiasan*
9. *Pantun kias dan ibarat*
10. *Pantun kembara dan perantauan*
11. *Pantun percintaan.*

Berdasarkan kepada contoh-contoh penjenisan pantun di atas nampak ada perbezaan-perbezaan antara seorang pengkaji dengan pengkaji lainnya. Perbezaan-perbezaan tersebut mungkin disebabkan antara lain ketidaksamaan aspek yang dijadikan ukuran penjenisan, adanya seserangkap pantun yang tidak jelas temanya, atau, sebaliknya, seserangkap itu mempunyai pelbagai tema; dan mungkin pula disebabkan oleh kecenderungan peribadi pengkaji itu sendiri dalam menanggapi seserangkap pantun berkenaan.

Oleh itu, penjenisan pantun seperti yang telah dikemukakan di atas dan masih banyak lagi penjenisan lainnya yang tidak disebutkan di sini harus dianggap sebagai sesuatu yang tidak mutlak, sehingga masih boleh dipersoalkan. Sebenarnya, anggapan seperti ini juga diakui oleh Penyelenggara *Kumpulan Pantun Melayu* (1984 : 31). Sebab harus diakui, dalam praktik, antara satu aspek dengan aspek lainnya dalam seserangkap pantun itu saling terkait. Misalnya pada pantun kanak-kanak, terutama yang biasa dinyanyikan ibu-ibu atau nenek-nenek sambil mendukung atau mengayunkan buaian anak atau cucunya agar tidak menangis dan mahu tidur. Isinya biasanya berupa nasihat-nasihat atau harapan-harapan kepada anak atau cucunya disertai curahan perasaan kasih-sayang si ibu atau nenek dan perasaan-perasaan lainnya yang berbaur. Secara lahiriah, pantun yang dinyanyikan itu ditujukan kepada si anak atau cucu, tetapi sebenarnya ditujukan kepada orang

lain, yang memang telah memahami kandungan nasihat, harapan dan perasaannya. Sebab tidaklah mungkin anak, apalagi bayi, mengetahui kandungan - kandungannya. Dengan perkataan lain, pantun-pantun tersebut mengandungi sindiran atau kias. Demikian pula perasaan-perasaan yang berbaur yang diserlahkan melalui pantun yang dinyanyikan itu boleh jadi sebagai curahan kesusahan dan kesedihannya kerana kemiskinan atau bersendirian, sebagai curahan rindu kepada suaminya atau anaknya yang sedang merantau atau bekerja jauh dari rumahnya dan sebagainya.

Hal yang sama juga terdapat pada pantun nasihat dan agama. Agama itu sendiri mengandungi nasihat, seperti sabda Nabi (s.a.w.): "*Al-dīn naṣīḥah. . .*" (Agama adalah nasihat. . .).¹ Begitu pula pada pantun-pantun yang mengandungi nilai-nilai sosial dapat berhubungan rapat dengan agama, adat, politik, ekonomi dan sebagainya. Jadi, antara satu aspek dengan aspek lain yang terkandung dalam sesebuah pantun dapat saling terkait. Tambahan lagi, pantun itu sendiri hidup dan berkembang, seiring dengan perkembangan masyarakat, sehingga jumlahnya pun akan terus bertambah. Keadaan ini memungkinkan penambahan penjenisan yang telah ada, seperti pantun pembangunan, pantun diplomasi dan strategik perang, sehingga dengan penambahan ini diharapkan dapat memperkaya penjenisan yang telah ada.

Daripada huraian - huraian singkat seperti dikemukakan di atas dapatlah difahami bahawa cara pembahagian pantun mengikut temanya mengalami kerumitan sedikit, sehingga tidaklah menghairankan jika terjadi perbezaan - perbezaan antara seorang pengkaji dengan pengkaji lainnya. Contohnya pantun berikut ini:

¹ al-Bukhārī, Kitāb al-Īmān, No. 43- (93); Muslim, Kitāb al-Īmān, No. 95 - (55).

*Kelap-kelip kusangka api,
Kalau api di mana obornya?
Hilang raib kusangka mati,
Kalau mati di mana kuburnya?
(Rakaman di Pontianak)*

Menurut Mohd. Taib Osman (1975 : 23), pantun tersebut dianggap sebagai teka-teki, oleh itu beliau memasukkannya ke dalam pantun teka-teki. Sebaliknya, Zainal Abidin Bakar (1984 : 214) menganggapnya sebagai kembara dan perantauan, oleh itu beliau memasukkannya ke dalam pantun kembara dan perantauan. Malahan adakalanya sesebuah tema pantun dimasukkan ke dalam kedua-dua penjenisan sekaligus, seperti yang terdapat dalam buku *Kumpulan Pantun Melayu*; contoh:

*Jika tiada kerana bulan,
Masakan bintang timur tinggi;
Jika tidak kerana tuan,
Masakan kami datang ke mari.
(KPM – 1254,- Pantun Kembara dan Perantauan)*

*Jika tidak kerana bintang,
Bulan tidak meninggi lagi;
Jikalau tidak kerana abang,
Saya tidak datang ke mari.
(KPM – 1486,- Pantun Percintaan)*

Bagaimanapun, harus diakui bahawa dalam pembahagian tema-tema pantun seperti yang telah disebutkan di atas, sekalipun mungkin belum memperlihatkan penjenisan yang menyeluruh dan lengkap, ada pula segi-segi kesamaannya. Oleh itu, pembahagian tema - tema pantun yang akan penulis lakukan, di samping memperhatikan kesamaan - kesamaan tersebut juga menyesuaikan dengan pantun-pantun yang berhasil penulis rakam dan salin dalam teks. Dengan berpedoman kepada kedua - dua unsur tersebut, sehinggalah pembahagian tema-tema pantun itu, seperti yang telah disenaraikan dalam Bab I (lihat halaman 16), menjadi:

1. Pantun kanak-kanak:
 - a. Permainan
 - b. Kasih-sayang
 - c. Perasaan gembira (sukacita)
2. Pantun percintaan dan kasih-sayang:
 - a. Perkenalan
 - b. Berkasih mesra
 - c. Teruji atau gagal
 - d. Berpisah dan bercerai.
3. Pantun tentang telatah dan cara hidup masyarakat:
 - a. Budi
 - b. Jenaka dan permainan
 - c. Kias, ibarat dan peribahasa
 - d. Teka-teki.
4. Pantun nasihat, agama dan adat
5. Perenungan terhadap nasib, kembara dan perantauan
6. Pantun naratif
7. Pantun mantera.

Untuk jelasnya di bawah ini akan diberikan contoh-contohnya.

Pantun Kanak-kanak

Kehadiran seseorang anak dalam suatu keluarga, lebih-lebih bagi mereka yang telah lama membina rumah-tangga dan belum dikurniai anak, sangat diharapkan dan membahagiakan. Mengikut al-Qur'ān, anak dalam suatu keluarga merupakan *qurrat a'yun* (buah hati yang menyejukkan) (Q.S. al-Furqān, 25 : 74), *zīnat al-ḥayāt al-dunyā* (hiasan kehidupan dunia) (Q.S. al-Kahfī, 18 : 46), dan juga merupakan '*fitnah*'² (Q.S. al-Anfāl, 8 : 28).

Ada pelbagai cara bagi orang Melayu mencetuskan rasa gembira, bahagia

² Perkataan *fitnah* mempunyai banyak erti: *al-ikhtibār* (ujian), *al-ihrāq* (terbakar), *al-miḥnah* (musibah atau bencana), *al-kufr* (kafir), *ikhtilāf al-nās al-ārā'* (perbezaan pendapat) *al-ẓulm* (aniaya), *al-i'jāb* (takjub), *al-faḍīḥah* (kekejian), *al-'adhāb* (seksaan), dan *al-qatl* (pembunuhan), dsb. (lihat, Ibn Manzur, j. 18, 1990 : 317-30). Dalam konteks ini, *fitnah* bererti ujian (*al-ikhtibār*).

dan kasih sayang kepada anak, salah satunya adalah melalui pantun. Cetusan dan penyampaian berbagai-bagai perasaan itu adakalanya disertai dengan rayuan, belaian dan ayunan serta nyanyian. Isi dan temanya biasanya mengandung nasihat, harapan dan pengajaran kepada anak/cucu atau juga berbagai-bagai curahan perasaan ibu atau nenek.

Dari segi struktur, pantun kanak-kanak lebih mudah daripada pantun biasa. Bahasanya sederhana, mudah difahami, tanpa menggunakan lambang-lambang yang rumit (Harun Mat Piah, 1989 : 164). Beberapa contoh pantun kanak-kanak dapat diberikan sebagai berikut:

a. Permainan

*Pok amai-amai,
Belalang kupu-kupu;
Bertepuk adik pandai,
Malam sekarang diupah susu.*

*Susu lemak manis,
Santan kelapa muda;
Anak jangan menangis,
Mak lagi bekerja.
(Ramlah, No. 36-37)*

b. Kasih sayang

*Ayunlah tajak buaikan tajak,
Tajak Palembang buatan Jawa;
Ayunlah anak buaikan anak,
Anak bertimbang badan dan nyawa.
(Matsah Hasan, No. 5)*

*Timang tinggi-tinggi,
Tinggi di atas atap;
Belum tumbuh gigi,
Sudah pandai membaca kitab.
(Nurifah Hasan, No. 13)*

c. Perasaan gembira

Timang si lada-lada,

*Lada penggulat belut,
Semenjak adik ada,
Bapa datang terus bergelut.
(Sulaiman Daud, No. 49)*

*Merpati terbang sekawan,
Hinggap di Balatrung Sri;
Buah hatiku diamlah tuan,
Bundamu sudah hadir menanti
(Sh. Laila, No. 6)*

Pantun Percintaan dan Kasih sayang

Allah menciptakan segala yang ada di alam ini berpasang-pasangan (*zawj* atau *binary*)³, baik yang diketahui oleh manusia mahupun yang tidak diketahui (Q S al-Dhāriyāt, 51 : 49; Yāsīn, 36 : 36) Misalnya, dalam waktu, ada siang dan malam; dalam dunia tumbuh-tumbuhan, ada putik dan benang sari; dalam dunia haiwan, ada jantan dan betina; dalam dunia manusia, ada lelaki dan perempuan. Khusus pada kehidupan manusia, hidup berpasang-pasangan ini ditegaskan dalam berbagai-bagai ayat al-Qur'ān, antara lain dalam Surat al-Rūm, 30 : 21 dan Surat al-Hujurat, 49 : 13

Masing-masing pasangan dikurniai potensi untuk saling menarik. Potensi ini mulai menampakkan gejalanya sejak individu menginjak tahap perkembangan masa remaja. Salah satu hal yang terlihat dalam masa remaja ini adalah masing-masing mulai tertarik kepada jenis seks yang lain. Dibandingkan dengan masa-masa sebelumnya, individu pada tahap perkembangan ini mulai mengadakan interaksi yang lebih intensif dengan jenis seks yang lain (Bimo Walgito, t.t. : 19). Mereka mulai berbincang-bincang mengenai masa depan, mencurahkan perasaan hatinya dan berbagai-bagai curahan kehidupan psikologik lainnya (rasa kasih-sayang, rasa

³ Dalam al-Qur'ān kata ini dalam pelbagai bentuk dan maknanya terulang tidak kurang daripada 80 kali (Quraish Shihab, 1996 : 191)

aman, rasa harga diri dan sebagainya). Proses ini berlanjutan, sehingga mereka (lelaki dan perempuan) memadu kasih dan masing-masing merasa memerlukan teman hidup yang dapat saling mengisi keperluan-keperluan psikologiknya (*Ibid.*, 20), selain daripada keperluan - keperluan fizikal dan sosialnya. Keperluan-keperluan ini, bagi orang beragama, baru dapat dipenuhi melalui perkahwinan. Jadi, mendambakan pasangan pada hakikatnya merupakan fitrah sebelum manusia dewasa, dan dorongan ini sukar dibendung setelah dewasa (Quraish Shihab, 1996 : 192). Pemenuhan/ penyaluran fitrah tersebut melalui perkahwinan akan mengalihkan kerisauan lelaki dan perempuan menjadi ketenteraman atau *sakīnah*⁴ (Q.S. al-Rūm, 30 : 21). Di bawah ini diberikan beberapa contoh pantun yang berhubungan dengan percintaan.

a. Perkenalan

*Dari mana hendak ke mana,
Dari hulu hendak ke pasar;
Saya ini ingin bertanya,
Jari di tangan mengapa dipacar?
(Sulaiman Daud, No. 27)*

*Makan rokok tembakau Cina,
Keluar asap berbunga-bunga;
Boleh tidak saya bertanya,
Cincin di jari siapa punya?
(Ramlah, No. 62)*

b. Berkasih mesra

*Di bawah pisang di atas jantung,
Batang keladi dibelah dua;
Tahan dicincang tahan dipancung,
Asal jadi kita berdua.
(Matsah Hasan, No. 9)*

⁴ Kata *sakīnah* terambil daripada akar kata *sakana* yang bererti diam/tenangnya sesuatu setelah bergejolak. Itulah sebabnya mengapa pisau dinamai *sikkīn* kerana ia adalah alat yang menjadikan binatang yang disembelih tenang, tidak bergerak, setelah tadinya ia meronta. *Sakīnah* – kerana perkahwinan – adalah ketenangan yang dinamik dan aktif, tidak seperti kematian binatang (Quraish Shihab, 1996 : 192).

*Timun betik dari dang-dong-dang,
Mari dipetik secangai kuku;
Wahai adik abang nak pulang,
Marilah menghantar senggam pintu.
(Sufifah, No. 33)*

b. Teruji atau gagal

*Sapu tangan penjuru empat,
Satu penjuru dimakan api;
Luka di tangan dapat diubat,
Luka di hati hancur sekali.
(Matsah Hasan, No. 17)*

*Hendak hujan, hujan sekali,
Biar saya bertudung kain;
Hendak buang, buang sekali,
Biar saya mencari lain.
(Nurifah Hasan, No. 19)*

c. Berpisah atau bercerai

*Baiklah-baik menutuh jati,
Biarlah repeh jangan nak tumbang;
Baiklah-baik mencari ganti,
Biarlah lebih jangan nak kurang.*

*Baiklah-baik menutuh jati,
Kalau tak repeh kami koyakkan;
Baiklah-baik mencari ganti,
Kalau tak lebih saya sorakkan.
(Matsah Hasan, No. 120-121)*

Telatah dan cara hidup masyarakat

a. Budi

Dalam senarai masyarakat Melayu, budi ditempatkan pada peringkat yang tertinggi. Umumnya konsep budi itu meliputi seluruh nilai kebaikan, iaitu pentingnya berbudi, mengenang budi dan membalas budi. Huraian tentang budi berikut aspek-aspeknya akan dikemukakan kemudian. (Sila, lihat Bab IV.)

b. Jenaka dan permainan

Dalam kehidupan sosial, bergurau senda dan berjenaka dapat mencairkan suasana yang tegang, berat dan serius. Selain daripada itu dapat menghilangkan kepenatan dan memecah kesunyian di kala bekerja bersama (bergotongroyong). Termasuk di dalamnya adalah menyindir seseorang, sesuatu pihak atau masyarakat. Seluruhnya hampir dinyatakan secara tak langsung dan tanpa menyakiti. Sopan santun dan kehalusan budi yang dituntut oleh nilai-nilai masyarakatnya tetap dijaga.

Pantun jenis ini, selain untuk mengejek dan bercumbu, tetapi juga untuk memperlihatkan sudut ironis kehidupan, membawakan makna peristiwa, situasi dan perasaan dalam suasana yang agak ringan. Walaupun mungkin pantun tersebut bernada erotik, namun isinya boleh dicerna menurut kesanggupan khalayak yang mendengarnya, misalnya ketawa (Muhammad Haji Salleh, 1996 : 131-32).

Tempat - tempat yang biasa digunakan untuk meluahkan pantun ini antara lain adalah kenduri, upacara berbalas pantun, di ladang atau sawah sewaktu menunai padi dan sebagainya. Contoh-contoh pantun yang boleh dimasukkan ke dalam bahagian ini misalnya:

*Keriang simpak-simpur,
Anak dara di muka pintu.
Orang bujang banyak datang,
Mengintai bujang lalu.
(Suftjah, No. 88)*

*Alangkah kecil pengayuh lidi,
Mari berkayuh di simpang Matan;
Kecil-kecil mencari bini,
Belumlah pandai mencari makan.
(Matsah Hasan, No. 97)*

d. Kias, ibarat dan peribahasa

*Gali-gali akar mengkuas,
Dapat sejari akar mentemu;
Cari-cari padang yang luas,
Burung liar supaya bertemu.
(Sufifah, No. 167)*

*Kalau tuan pergi ke Tayan,
Saya pesan duit seringgit;
Kalau tuan menjadi bayan,
Saya menjadi burung serindit.
(Ramlah, No. 188)*

*Sejuk-sejuk pergi ke hutan,
Mari bersunting berkait-kait;
Tidak ijuk berguna rotan,
Tidak rotan akar pun baik.
(Sufifah, No. 196)*

d. Teka-teki

Struktur pantun teka - teki mirip dengan pantun kanak - kanak, iaitu bahasanya sederhana dan mudah difahami dan tidak menggunakan lambang-lambang yang rumit. Walaupun jumlah pantun tidak sebanyak pantun percintaan, misalnya, namun pantun jenis ini ada dalam hafazan beberapa responden di Pontianak; misalnya:

*Pipit, kuda dan ayam,
Kepala tiga, kaki lapan;
Uthman, Abu Bakar,
Empat ditanam, satu terbakar.
(Sufifah, No. 204)*

*Gong conang,
Dipalu tak pecah;
Tedung berenang,
Kepalanya tidak basah.
(Zainab, No. 124)*

Pantun nasihat, agama dan adat

Selain tema - tema yang telah disentuh di atas, pantun juga mengandungi tema-tema yang berunsur nasihat, pengajaran, pendidikan, agama dan adat. Huraian

yang lebih terperinci dan luas tentang tema-tema pantun yang berunsur agama, nasihat dan adat akan diuraikan lebih lanjut dalam bab tersendiri. Sekadar contoh di bawah ini diberikan beberapa di antaranya:

*Orang haji berbaju panjang,
Memakai serban dengan sepatu;
Duduk mengaji, duduk sembahyang,
Jangan lupa dengan waktu
(Ramlah, No. 38)*

*Tuan Khatib Tuan Bilal,
Pasang pasak luan perahu.
Biarpun anak Khatib, biarpun anak Bilal,
Kalau tidak belajar manakan tahu.*

*Batang keladi batang seledri,
Masak putih untuk makan,
Sebelum masanya insafilah diri,
Selimut putih membalut badan
(Zainab, No. 76 dan 108)*

*Ikan berenang di dalam lubuk,
Ikan belidak batangnya panjang,
Adat pinang pulang ke tampuk,
Adat sirih pulang ke gagang.
(Sufifah, No. 233)*

Perenungan terhadap nasib, kembara dan perantauan

Tema-tema yang berkenaan dengan nasib meliputi penyesalan terhadap nasib kerana tak beruntung, miskin, terhina, tersingkir daripada pergaulan ramai, hidup melarat, lebih-lebih di rantau yang jauh dari sanak-keluarga.

Merantau dan berdagang merupakan sebahagian daripada kegiatan hidup Melayu (Harun Mat Piah, 1989 : 180). Kebanyakan anak muda meninggalkan kampung halaman, merantau ke negeri lain dengan tujuan antaranya mengadu untung dan merubah nasib dengan mencari pekerjaan, mencari rezeki dengan berdagang, menuntut ilmu, menambah pengalaman, atau menguji kemampuan dan

ketabahan. Di tempat perantauan, ia merasa sebagai 'orang luar,' 'orang asing,' atau 'orang dagang,' yang kedudukannya mungkin lebih rendah daripada orang tempatan.

Pantun - pantun yang menggambarkan tentang nasib dan hidup di perantauan sering menceritakan seseorang yang rindu kepada kampung halaman, pangkalan/ tempat mandi, keluarga dan kekasih, merasa terhina, tersisih, miskin dan sebagainya, yang sebahagian penjelasannya pernah dikemukakan sebelumnya. Contoh-contohnya:

*Anak kepiting di lubang batu,
Tiada kusangka merayap lagi;
Sudahlah yatim kumang piatu,
Tidak kusangka melarat lagi.*

*Kenapalah kacipku ini,
Tidaklah sua mengacip pinang;
Kenapalah nasibku ini,
Tidak sua berhati senang.*

*Mahu kupais bukannya todak,
Mahu kebembam bukannya terung;
Mahu menangis bukanku budak,
Mahu terbang bukanku burung.
(Matsah Hasan, No. 34, 35 dan 172)*

*Pergi ke Menjalin membeli tas,
Tas dibeli beserta topi;
Perahu lilin layar kertas,
Hendak menyeberang lautan api.
(Sh. Laila, No. 13)*

Pantun Naratif

Pantun naratif digunakan untuk menyampaikan cerita (naratif), seperti pada pantun berkait. Sumber ceritanya mungkin daripada cerita-cerita lisan, sejarah tempatan, peristiwa sehari-hari dan sebagainya.

Pantun - pantun sebegini jumlahnya sangat terbatas, dan yang ada pun

kebanyakannya tidak lengkap. Adapun contoh - contohnya, sila lihat pada huraian sebelumnya, khususnya huraian mengenai contoh perlambangan daripada sumber mitos.

Pantun Mantera

Ada dugaan bahawa mantera mungkin merupakan bentuk pengucapan sastera tua dalam masyarakat Melayu sebagai usaha untuk menghubungkan dirinya dengan makhluk ghaib yang diyakini sebagai mahakuasa (Muhammad Haji Salleh & Bazrul bin Bahaman, t.t. : 113). Dengan demikian, mantera merupakan cara untuk berkomunikasi dengan makhluk halus dan disampaikan dalam suasana hening dan sungguh-sungguh. Suasana sebegini berbeza daripada suasana bergembira atau bergurau seperti pada pantun jenaka, misalnya. Tujuannya adalah mengusir roh jahat, menyembuhkan penyakit, menambah rezeki dan meramal peristiwa yang telah dan sedang berlaku dan mungkin pula untuk menambah kekebalan badan atau kesaktian (pakaian diri) dan sebagainya.

Biarpun Islam dianuti oleh sebagian terbesar daripada orang Melayu, namun tidak semua unsur animisme dan Hindu-Buddha, seperti pelbagai jampi mantera dan serapah, dibuang. Malahan sehingga hari ini pelbagai jampi mantera itu tetap digunakan, misalnya dalam upacara membela kampung, membuang ancak, termasuk upacara puja pantai yang disertai dengan bahan-bahan sajian atau untuk menambah kekebalan badan atau kesaktian dan menambah penghasilan. Mungkin sahaja dalam pengucapan jampi mantera tersebut dimulai dengan sebutan basmalah, sebutan nama -nama rasul dan nabi dan sebutan-sebutan lain yang mengandungi unsur-unsur Islam.

Daripada lapan responden yang penulis selidiki, dua di antara mereka yang mempunyai hafazan pantun mantera. Selengkapnya sebagai berikut

*Limau purut limau lelang,
Ketiga limau gangsa.
Air surut penyakit hilang,
Buang stal buang celaka*

*Pisau purut buluh rotan,
Pakai meraut pinang berbuluh.
Hantu laut hantu hutan,
Nenek datuk pergi berburu
(Sufifah, No. 168 dan 209)*

*Pisau raut pisau renjong,
Terselip di tept dinding.
Hantu laut hantu tanjung,
Bulupuki emaknya merinding*

*Pucuk ubi terlembak-lembak,
Terlembak di atas tunggul.
Bulupuki emaknya terlembak,
Kelentitnya tersembul.*

*Ayam putih di atas kubur,
Ditambat di tiang nisan,
Aku nawar kutegur,
Larilah kau jin dan syaitan.*

*Jelanggar jelengger,
Makan buah terong hulu;
Terlanggar batang pelir,
Tersenyum puki berbulu.*

*Hilir rakit dari kota,
Jemilat telur dalam;
Kelam-kelip biji mata,
Terkulai matt di dalam.
(Bujang Daim, No. 88 - 93)*

Pantun yang disampaikan oleh Sufifah merupakan mantera yang khusus digunakan untuk mengubati anak-anak yang terkena sakit panas, masuk angin dan sejenisnya. Bahasa yang digunakan lebih halus dan sopan dibandingkan dengan pantun yang disampaikan oleh Bujang Daim. Pantun yang disampaikan oleh Bujang

Daim merupakan mantra yang dibaca sewaktu menghalau roh jahat yang masuk dalam tubuh seseorang. Boleh jadi penggunaan bahasa sebegini, yang dikesan oleh orang yang mendengarnya sebagai kasar, tidak sopan lucu dan jijik, untuk memberi tekanan agar roh jahat tersebut segera keluar dan menjauh. Pembacaannya pun selalu diulang-ulang, hingga roh tersebut benar-benar keluar daripada si sakit.

Pantun sebagai alat komunikatif secara tidak langsung atau tidak berterusterang antara anggota masyarakat terlihat penggunaannya dalam berbagai-bagai kegiatan; misalnya kegiatan - kegiatan yang berhubungan dengan hiburan, pengajaran, ritual, upacara, adat, agama dan kepercayaan. Mengikut Harun Mat Piah, (1989 : 190, 208; 2002 : lx) berbagai-bagai kegiatan tersebut dapat diringkas menjadi tiga bahagian, iaitu: 1. Kegiatan yang berunsur hiburan; 2. Kegiatan yang berunsur ritual; dan 3. Kegiatan yang berunsur agama dan kepercayaan. Contoh-contoh daripada ketiga-tiga kelompok kegiatan berkenaan telah diberikan, sehingga di sini tak perlu diberikan contoh-contohnya lagi.

Patut pula disedari bahawa walaupun fungsi pantun dalam kehidupan masyarakat Melayu sangat luas, namun ketiga-tiga kelompok kegiatan itu belum dapat menggambarkan seluruh aspek kehidupan mereka. Hal ini diakui sendiri oleh Harun Mat Piah dan menyatakan bahawa ia baharu sebahagian sahaja daripada kaedah yang sebenarnya (*Ibid.*,189).

3.5 Bahan-Bahan Rujukan Pantun

Sebagai umat beragama kita meyakini dan menyedari sepenuhnya bahawa manusia adalah makhluk Tuhan; ia wujud bukan dengan sendirinya, melainkan

wujud kerana diciptakan. Dibandingkan dengan makhluk - makhluk hidup (organisme) lainnya, haiwan dan tumbuh - tumbuhan, manusia menempati kedudukan yang paling istimewa, tinggi dan mulia (Q.S. al-Isrā', 17 : 70). Selain itu, ia diciptakan Tuhan sebagai seelok-elok dan sesempurna - sempurna ciptaan (Q.S. al-Tīn, 95 : 4; al-Infīṭār, 82 : 7), seperti segala gerak, duduk dan berdirinya, berjalan dan diamnya, makan dan minumannya. Kesemuanya itu disebabkan manusia dikurniai Tuhan roh, yang salah satu potensinya adalah akal ('*aqal*). Secara psikologik, akal mempunyai fungsi kognisi (daya memahami), iaitu kemampuan untuk mengamati, memperhatikan, memberikan pendapat, berfikir, memahami, berimajinasi, mempertimbangkan, menduga dan menilai (Chaplin, 1989 : 90).

Manusia selain sebagai makhluk rohani juga jasmani. Kedua-dua unsur tersebut menyebati dan bersenyawa sedemikian rupa sehingga manusia disebut sebagai makhluk 'monodualist,' makhluk jasmani dan rohani sekaligus. Jika kedua-dua unsur ini mengalami penghuraian, maka proses dan mekanisme hidup akan berhenti. Peristiwa ini terjadi di saat manusia mengakhiri hayatnya (mati). Sunnatu'Liāh, iaitu hukum-hukum Allāh yang berlaku pada alam, menyatakan bahawa setiap manusia pasti merasakan mati tanpa memilih usia, kedudukan atau tempat dan tidak pula menangguhkan kehadirannya jika memang sudah sampai saatnya (Q.S. Āli 'Imrān, 3 : 185; al-Anbiyā', 21 : 78). Contoh pantun yang berkenaan dengan mati, misalnya:

*Hujan ribut kencang di pulau,
Pohon jati menimba ruang;
Lagi hidup kita bergurau,
Sudah mati tergolek seorang.
(Bujang Daim, No. 74)*

Batang keladi batang seledri,

*Masak putih untuk makan;
Sebelum masanya insaflah diri,
Kain putih membalut badan.
(Zainab, No. 108)*

Manusia sebagai organisme yang paling mulia, kehidupannya bersifat fungsional, teleologik, dan missionari. Bersifat fungsional dalam erti manusia diberi status oleh Tuhan sebagai “Khalifah Allāh di bumi,”⁵ suatu kedudukan yang sangat strategik kerana diperoleh melalui persaingan dengan makhluk-makhluk lainnya (Q.S. al-Baqarah, 2 : 30; al-Aḥzāb, 33 : 72). Bersifat teleologik⁶ dalam erti bahawa semua pekerjaan yang baik dan bermanfaat (amal salih) harus menjadi tujuan pencapaiannya dan sekaligus sebagai manifestasi daripada pengabdianya kepada Tuhan, sepertimana yang difirmankan Tuhan: “*Wa mā khalaqtu al-jinna wa al-insa illā liya ‘budūn.*” Yang bermaksud: “Tidaklah Aku ciptakan jin dan manusia kecuali agar mereka beribadah kepada-Ku.” Sedangkan bersifat missionari dalam erti manusia mampu menciptakan lingkungan (fizikal dan sosial) yang berperadaban dan bermoral, sesuai dengan fitrah penciptaannya sebagai makhluk yang mulia dan bermoral. Misi ini dalam al-Qur’ān disebut “amānah” (Q.S. al- Aḥzāb, 33 : 72), yang kelak harus dipertanggungjawabkan kepada pemberi amanah (Allāh).

Salah satu ayat al-Qur’ān yang menyebutkan “khalifah di bumi” adalah:

⁵ Kata *khalīfah* berasal daripada akar kata *khulafā*, yang pada mulanya bererti ‘di belakang.’ Dari sini, kemudian kata *khalīfah* sering diertikan dengan ‘pengganti’, (kerana yang menggantikan selalu berada atau datang di belakang, sesudah yang digantikannya), atau ‘generasi penerus,’ ‘wakil,’ ‘penguasa,’ ‘duta.’ Kata *khalīfah*, jamaknya *khawālif* atau *khalā’if*, disebutkan sebanyak 9 kali, dua kali dalam bentuk jamak (Quraish Shihab, 1994 : 156-57; Dawam Rahardjo, 1996 : 356-57). Jadi, menurut konsep Islam, manusia adalah khalifah Tuhan, sebagai wakil, pengganti atau duta Tuhan di muka bumi dan akan dimintai pertanggungjawabannya tentang bagaimana ia melaksanakan tugas suci kekhalfahannya. Istilah ini juga mengandungi pengganti Nabi Muhammad s.a.w. Dalam fungsinya sebagai kepala pemerintahan dalam Islam, ia berfungsi sebagai pengganti Nabi s.a.w. baik untuk urusan agama mahupun urusan dunia (*Ensiklopedi Islam*, 3, 1994 : 35).

⁶ Kata *teleology* berasal dari bahasa Yunani, *telos* – pengetahuan, doktrin (Abu Hanifah, 1950 : 140, Lorens Bagus, 1996 : 1085). Alisjahbana (1952 : 95) menterjemahkannya ‘serbatuju,’ dan mengertikannya “fahaman yang mengemukakan sesuatu tujuan dalam sekalian kejadian dalam alam.”

وإذ قال ربك للملائكة إني جاعل في الأرض خليفة

Yang bermaksud: "Dan ingatlah ketika Tuhanmu berfirman kepada para malaikah: "Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di muka bumi" (Q.S. al-Baqarah, 2 : 30).

Dalam ayat ini, yang dimaksud sebagai khalifah adalah Adam. Ini dijelaskan oleh ayat berikutnya yang bermaksud: *Ia mengajarkan kepada Adam nama segala sesuatu* (al-Baqarah, 2 : 31). Sedangkan Adam dikenal sebagai "Abū al-Bashar," (Bapa Manusia), dan keturunannya disebut "Banī Ādam" atau "Zuriyat Ādam." Sebutan Adam, sebagai Abū al-Bashar, muncul dalam pantun berikut ini:

*Lumba-lumba, lumba mengalun,
Mengalun lumba di Tanjung Batu;
Kepada Allah, Muhammad pun belum,
Adam di mana segalanya itu.
(Zainab, No. 66)*

Agar sifat-sifat tersebut dapat dijalankan dengan baik, akal sahaja belumlah cukup. Sebab harus diakui bahawa kemampuan akal itu terbatas sehingga diperlukan Nabi sebagai penolong (*al-mu'īn*) yang membawa atau menerima wahyu ('Abduh, 1366 H. : 62). Fungsi wahyu, mengikut 'Abduh dalam bukunya *Risālat al-Tawhīd*, antaranya dapat menolong akal manusia untuk mengetahui alam akhirat dan kehidupan di sana (*Ibid.*, 72) serta hal-hal yang berhubungan dengannya, dapat menjelaskan bagaimana cara beribadah kepada Tuhan (*Ibid.*, 94), dan sebagainya. Penjelasan yang diberikan wahyu secara rinci dan luas, dan pembedanya hanya mungkin didekati melalui iman, seperti mahshar, syurga, neraka dan sebagainya. Oleh itu, bagi orang-orang yang beriman apa yang disampaikan oleh wahyu akan ditanggapi secara positif dan optimistik sebagai kebenaran sejati, seperti tercermin dalam pantun berikut:

*Kalaulah tuan pergi ke hulu,
Petikkan saya sedaun simpur;
Kalaulah tuan mati dahulu,
Tunggulah saya di pintu kubur.*

*Petikkan saya sedaun simpur,
Bunga cempaka tolong taburkan;
Tuan menanti di pintu kubur,
Pintu syurga tolong bukakan.
(Matsah Hasan, No. 18 dan 19)*

*Nabi Daud, Nabi Sulaiman,
Ketiga Nabi Musa;
Teguh-teguhlah memegang iman,
Bagai mendinding api neraka.
(Zainab, No. 85)*

*Ini pula si nanas Bogor,
Daun pacar saya belikan;
Ini pula di pintu kubur,
Di padang mahshar kami nantikan.
(Sh. Laila, No. 49)*

Manusia yang diberi sebutan “Khalifah Allāh” membina hidup dan kehidupannya di bumi. Kenyataannya, bumi dengan segala isinya disediakan semula jadi oleh Tuhan bagi manusia (Q.S. al-Baqarah, 2 : 29). Dalam membina hidup dan kehidupannya manusia tidak sendirian, tetapi bersama-sama dengan manusia lain. Selanjutnya, mereka, baik secara sendirian mahupun kelompok, menghubungkan diri mereka dengan alam ciptaan Tuhan yang ada di sekitar mereka. Setakat menghubungkan mereka dengan alam ciptaan Tuhan, mereka pun dipengaruhi oleh alam yang ada di sekitar mereka. Hal ini terlihat dalam sikap, pengalaman dan kebiasaan hidup mereka. Misalnya, mereka yang dibesarkan di padang pasir akan berbeza kebiasaan mereka dengan yang dibesarkan di daerah yang bukan padang pasir; mereka yang dibesarkan di daerah kutub akan berbeza kebiasaan mereka dengan yang dibesarkan di daerah tropik, dan seterusnya. Walaupun mungkin mereka menganut kepercayaan atau agama yang sama dan berbicara dengan bahasa yang sama, namun mereka akan memperlihatkan kebiasaan-kebiasaan yang berbeza,

kerana latar alam dan lingkungan yang berbeza. Kemudian perbezaan ini akan membawa pengaruh kepada sistem nilai yang dianut oleh masyarakat berkenaan dan pengaktualisasiannya. Dengan demikian, terdapat saling bergantung dan saling mempengaruhi antara manusia dan alam sekitarnya. Ini bererti bahawa antara alam tabii dan alam manusia berlaku asas saling menghormati dan menjaga kepentingan. (Zainal Kling, 1993 : 13) Asas ini diperlukan bagi menjaga keseimbangan, sehingga pelbagai perkara yang tak diinginkan dapat dihindari, seperti banjir, kebakaran dan sebagainya.

Orang Melayu yang mendiami Nusantara sejak zaman berzaman bukan sahaja akrab dan dekat dengan alam sekitar, melainkan juga peka terhadap unsur-unsur persekitaran mereka. Keakraban dan kepekaan mereka terhadap alam sekitar itu kemudian mereka gunakan sebagai latar belakang utama dalam penciptaan pantun. Oleh yang demikian, alam sekitar mempunyai peranan penting kerana ia telah menjadi objek bagi penciptaan pantun, sekalipun kebanyakannya muncul dalam sampiran atau pembayang. Penggunaan atau pemanfaatan alam sekitar (flora, fauna dan sebagainya) sebegini, mengikut Mohd. Taib Osman (1996 : 2) disebut 'artifak budaya'. Dikatakan begitu kerana pemanfaatannya bersifat bukan-fizikal, iaitu dengan menggunakan bahasa atau kata-kata, yang disusun dengan pola-pola tertentu dan mengandungi fungsi-fungsi tertentu dalam hidup bermasyarakat.

Sebagaimana telah dikemukakan sebelumnya, pantun yang popular dan yang disukai ramai, menurut bentuknya, terdiri daripada empat baris atau kerat; dua baris pertama disebut 'sampiran' atau 'pembayang' dan dua baris kedua disebut 'maksud.' Kedua-duanya (pembayang dan maksud) merupakan perkara yang asas bagi konsep

pantun dan tetap kekal dalam masyarakat Melayu sejak zaman berzaman. Cara penulisannya pun biasa disimbolkan dengan huruf **a-b-a-b**.

Sumber - sumber yang digunakan di dalam pembayang, seperti yang telah disentuh di atas, adalah dari alam, sejauh yang dapat dilihat, didengar, diamati, dirasai dan difikirkan. Hal yang demikian menjadikan persekitaran pantun sangat luas, meliputi alam seperti haiwan, tumbuh-tumbuhan, gunung, bukit, lembah, ngarai, langit, ombak, malam, siang dan sebagainya. Semuanya itu berpunca daripada kehidupan orang Melayu yang terjalin erat dan rapat ke dalam alam semula jadi, sehingga hampir setiap bahagian alamnya dikenalnya dari jarak yang lebih dekat termasuk pula pola kehidupannya (musim, sifat dan tabiatnya). Bahkan alam persekitaran pantun sampai merambah kepada benda-benda budaya, seperti rumah, kapal/perahu/sampan/rakit, alat-alat penangkap ikan, alat-alat pertanian, alat-alat memasak, pelbagai jenis pakaian dan perhiasan dan lainnya. Contohnya:

Kata-kata rumah :

*Rumah kecil menghadap ke laut,
Di situ tempat menggesek biola;
Pinggan kecil bagai diraut,
Di situ tempat hati yang gila.
(Bujang Daim, No. 42)*

*Rumah buruk banyak hantunya,
Tempat orang numpang berteduh;
Muka buruk banyak lakunya,
Banyak orang menjadi tergaduh.
(Ramlah, No. 131)*

Kata-kata kapal/perahu/sampan/rakit:

*Kalaulah datang si kapal api,
Tariklah layar setengah tiang;
Kalaulah datang si buah hati,
Perutlah lapar menjadi kenyang.*

*Ketak-ketuk dalam perahu,
Sayang selodang jatuh berdiri;
Haram kutuk saya tak tahu,
Orang bujang beranak tiri.
(Sufifah, No. 12 dan 22)*

*Air pasang dayunglah sampan,
Angin turun baik layarkan;
Tahu makan tahu bersimpan,
Rahsia jangan dilahirkan.*

*Hanyut rakit ke Pulau Pandan,
Tanjung Kelapa tempat kelayang;
Alangkah sakit rasanya badan,
Kerana lupa dengan sembahyang.
(Sh. Laila, No. 1 dan 53)*

Kata-kata yang berhubungan dengan alat-alat menangkap ikan:

*Bagaimana menebar jala,
Kalau berdengung kembanglah dia;
Bagaimana memujuk mak janda,
Kalau tersenyum mahulah dia.
(Sulaiman Daud, No. 8)*

*Pasang pukot luar kuala,
Diangkat banyak isinya;
Saya mukat setengah nak gila,
Ramai orang membelinya.
(Zainab, No. 120)*

Kata-kata yang berhubungan dengan alat-alat pertanian:

*Ayunlah tajak buaikan tajak,
Tajak Palembang buatan Jawa;
Ayunlah anak buaikan anak,
Anak bertimbang badan dan nyawa.
(Matsah Hasan, No. 5)*

*Lain ulu lain parang,
Reje-reje di kaki bukit;
Lain dulu lain sekarang
Jauh beza bukan sedikit.
(Sufifah, No. 37)*

Kata-kata yang berhubungan dengan alat-alat memasak:

*Tiup api jerangkan belanga,
Saya masak kelapa kurau;
Tuan pergi jangan nak lama,
Tidak siapa bawa bergurau.
(Sufifah, No. 34)*

*Tudung periuk pandai menari,
Buatan anak Raja Melaka;
Kain buruk simpankan kami,
Buat mengesat air mata.
(Ramlah, No. 45)*

Kata-kata yang berhubungan dengan pelbagai jenis pakaian dan perhiasan:

*Kain batik baju kebaya,
Dipakai anak di Kampung Lodang;
Adik cantik di mata saya,
Haram tak jemu mata memandang.*

*Baju putih celana putih,
Pakaian anak Raja Aceh;
Tuan ketawa giginya putih,
Di situ tempat hatiku kasih.*

*Cincin emas si jari manis,
Tersangkut si mangga dua;
Intan emas jangan menangis,
Asal jadi kita berdua.*

*Cincin perak buatan Bugis,
Pakaian anak Raja Melaka;
Duduk menulis sambil menangis,
Dakwat bercampur air mata.
(Sufifah, No. 39, 104, 78, dan 77)*

Penggunaan benda - benda budaya dalam pembayang, seperti yang tertulis dalam huruf condong, kebanyakannya tercantum pada baris pertama, baik pada awal, tengah mahupun pada akhir. Sebahagiannya lagi ada yang diulang pada baris kedua.

Selain daripada sumber-sumber pembayang tersebut di atas (alam dan benda-

benda budaya), juga nama tempat dan warganya agak sering digunakan, sama ada fiksi atau benar. Nama-nama tersebut adakalanya terdiri daripada satu golongan sahaja, dan adakalanya berbaur dengan sumber lain (alam, flora dan fauna). Begitu pula berlaku bagi nama-nama tempat yang secara geografik berjauhan letaknya, yang kadang-kadang diambil dari satu wilayah tertentu pada baris pertama, dan dari wilayah yang lain pada baris kedua. Ini dimungkinkan, antaranya kerana orang Melayu adalah orang yang bersifat terbuka, toleran dan demokratik (Ridwan, 1997: 233). Sifat-sifat seperti ini amat diperlukan dalam membina hubungan persaudaraan (adat kekerabatan) dan kerjasama serta pergaulan di pelbagai kawasan. Mereka banyak bergaul dengan suku-suku lain di Nusantara, baik melalui agama mahupun perdagangan. Kemudian, daripada hasil pergaulan tersebut, mereka gunakan sebagai bahan rujukan pembayang. Hal yang sama juga dengan orang-orang asing beserta kegiatan-kegiatan mereka, seperti Arab, Cina, Siam, Belanda dan sebagainya. Berikut beberapa contoh:

Penggunaan satu atau lebih nama tempat:

*Kalau tuan pergi ke Makkah,
Saya berkirim peti menyanyi;
Kalau tuan selamat nikah,
Baik-baik berlaki-bini.
(Sulaiman Daud, No. 5)*

*Dari Hong Kong pergi ke Yaman,
Singgah sebentar ke Inderagiri;
Tinggallah kampung tinggal halaman,
Tinggallah tempat bekasku mandi.
(Sh. Latla, No. 33)*

Penggunaan satu atau lebih nama warga:

*Anak Cina pulang ke Cina,
Sampai ke Cina berjual garam;
Sudah hina bertambah hina,
Berpandang boleh berpegang haram.*

(Bujang Daim, No. 24)

*Orang Siam pulang ke Siam,
Sampai ke Siam berjual kain;
Orang diam jangan katakan diam,
Nanti dia mencari lain.
(Ramlah, No. 95)*

*Orang Arab pula ke Arab,
Sampai ke Arab berdagang kain;
Tuan harap saya pun harap,
Sama-sama mencari lain.*

*Nasi sejuk dikerumun semut,
Anak Belanda turun ke kapal;
Kalau sejuk tarik selimut,
Kalau rindu tariklah bantal.
(Nurfifah Hasan, 53 dan 6)*

Penggunaan nama tempat atau warga yang berbaur dengan sumber lain:

*Pisang nipah di Batu Layang,
Anyam ketupat di ujung tanjung;
Hati susah bawa sembahyang,
Di situ tempat iman bergantung.
(Sulaiman Daud, No. 4)*

*Inderagiri pasirnya lumat,
Pasir bercampur dengan lukan;
Laksana Nabi kasihan umat,
Begitu juga kasihan tuan.
(Sufifah, No. 199)*

*Anak Padang berbaju kebaya,
Memetik lada di bulan terang;
Apa dipandang kepada saya,
Budi tidak bahasa pun kurang.
(Bujang Daim, No. 5)*

Adakalanya penggunaan nama warga yang berbaur dengan sumber lain muncul pada isi, seperti pada pantun naratif berikut:

*Goreng ubi goreng keladi,
Mari digoreng dalam kual;,
Jepun datang Belanda lari,
Habis gudang dimakan api.
(Matsah Hasan, No. 75)*

Semua nama tempat dan warga yang terdapat pada contoh-contoh pantun yang ditulis dengan huruf condong, baik terdiri daripada satu golongan sahaja mahupun berbaur dengan sumber lain (flora, fauna dan benda budaya) adalah benar Ertinya, selain untuk mencari rima yang baik, tetapi juga untuk membayangkan yang sebenar, sekalipun kebanyakannya muncul dalam bahagian pembayang. Berbeza halnya dengan pantun berikut ini

*Kapal berlayar lautan Judah,
Sarat bermuat kapas dan lada.
Datang terkenang zaman yang sudah,
Menarik nafas melurut dada*

*Kapal besar di padang embun,
Pecah wangkang di negeri Cina.
Biar tuan yang mempunyai kebun,
Isi kebun saya yang punya
(Sufifah, No. 113 dan 118)*

Nama-nama tempat yang tertulis dalam huruf condong (lautan Judah dan padang embun) adalah fiksyen. Ertinya, penggunaan kata - kata tersebut dalam pembayang hanya untuk mencari rima yang baik sahaja.

Berdasarkan pada huraian di atas setakat ini dapatlah difahami bahawa sumber - sumber yang dapat dijadikan rujukan pembayang demikian luas, iaitu meliputi alam semula jadi, termasuk pola-pola kehidupannya (musim, sifat dan tabiatnya), benda budaya, dan nama-nama tempat dan warganya, sama ada fiksyen ataupun benar. Sumber-sumber tersebut dihuraikan secara terperinci oleh François René Daillie (1986 : 6) sebagai berikut :

*This brief poem is an epitome of life and a universe in a grain of sand.
It carries with itself all the elements of the Malay man's life: his land,
his house, his garden, his paddy field; his river, the sea or the forest.*

the trees, fruits, animals, birds, fishes; the few simple things of everyday use; it expresses his customs and tradition, wisdom, beliefs and feelings of all sorts, his love of man, woman and God. It also sounds, very often, like his personal magic mantra, which everyone can use without the help of any established pawang or bomoh – magician or sorcerer. It belongs to everyone, it is composed of simplest words of everyday use, its syntax itself is rather cryptic sometimes – and its rhythm deeply ingrained in common ordinary speech.

Ringkasnya, ada hubungan yang erat antara pantun dengan manusia Melayu. Dengan perkataan lain, pantun adalah Melayu dari segi manusia dan dunianya (Harun Mat Piah, 201 : lii).

3.6 Penyampaian dan Penyebaran Pantun

Pantun, sebagai salah satu daripada genre puisi Melayu tradisional, tumbuh subur di segala lapisan masyarakat jauh sebelum mereka mengenal bacaan dan tulisan (buta huruf). Ia dicipta sebagai suatu pengucapan untuk memenuhi berbagai-bagai fungsi. Misalnya, untuk menyampaikan fikiran dan perasaan terhadap seseorang atau mengenai suatu perkara, menyindir, berkelakar, berhibur, memperkuat pernyataan, memberi nasihat, pengajaran dan sebagainya. Kemudian pantun yang telah dicipta itu disampaikan kepada orang lain juga secara lisan. Demikianlah seterusnya, sehingga segala unsur tradisi berkenaan, semenjak daripada menerima, mengingat, mengolah, menyampaikan dan menyebarkan, semuanya dilakukan secara lisan kepada generasi berikutnya. Cara-cara sosialisasi⁷ sebegini boleh dianggap sebagai tidak formal, yang prosesnya dapat dilakukan dengan diinstitusikan secara

⁷ *Sosialisasi* merupakan pembentukan tingkahlaku manusia, sama ada dari segi mental ataupun fizikal melalui pengalaman mereka di dalam keadaan-keadaan sosial yang tertentu. (Norazit Selat, 1989 : 132)

diadakan, teradat dan diistiadatkan⁸ (Norazit Selat & Zainal Abidin Borhan, 1996 : 28).

Setakat mempertahankan dan mengekalkan segala unsur tradisi berkenaan, maka daya ingatan atau hafazan sangat memainkan peranan yang penting. Oleh yang demikian, tidaklah berlebihan jika dikatakan bahawa rujukan pertama dan utama dalam masyarakat yang masih buta huruf adalah daya ingatan atau hafazannya. Semakin kuat dan baik daya ingatan atau hafazan seseorang, semakin baik seluruh proses pengekalan tradisi tersebut. Sudah tentu, ini merupakan kelebihan daripada pengekalan pantun, kerana ia tidak terhalang, misalnya oleh cuaca, keadaan dan tempat (terang, gelap, hujan dan lain-lain). Ertinya, bila-bila masa dan di mana sahaja seseorang diminta untuk menghafaz dan menyampaikan pantun, dia dapat melakukannya dengan baik dan lancar.

Walau bagaimanapun harus diakui bahawa hanya dengan daya ingatan atau hafazan sahaja ada pula kelemahannya. Misalnya, terjadi sedikit perubahan dalam langgam dan susunan kata - katanya, terutama sekali pada sampiran atau pembayangnya (baris pertama dan kedua). Sekalipun demikian, isinya umumnya tidak berubah (Lah Husny, 1986 : 187). Hal ini disebabkan selain oleh cara penyampaian dan penyebarannya hanya dari mulut ke mulut, juga oleh pergantian dan peredaran ruang dan masa, serta mobiliti penduduknya. Tambahan lagi, pantun yang dihafaz itu tidak diketahui penggubah atau pengarangnya, kerana sudah menjadi milik seluruh masyarakat, walaupun pada mulanya dihasilkan secara perseorangan.

⁸ Huraian mengenai diadakan, teradat dan diistiadatkan akan dikemukakan dalam Bab IV.

Terjadinya perubahan-perubahan tersebut bukan sahaja pada pantun yang dihafaz oleh orang-orang yang berjauhan tempat tinggal mereka dan berbeza masa hidup mereka, melainkan juga pada orang-orang yang tinggal pada satu bandar atau satu kawasan dan hidup pada satu masa yang sama. Berikut beberapa contoh perubahan pantun.

Perubahan karena berjauhan tempat tinggal dan perbezaan masa hidup pemantun:

*Kapal kecil jangan dibelok,
Kalau dibelok patah haluannya;
Budak kecil jangan dipeluk,
Kalau dipeluk patah pinggangnya.*

*Hujan ribut kencang di pulau,
Papan jati menimba ruang;
Selagi hidup kita bergurau,
Sudah mati tergolek seorang.
(Hasil rakaman pantun Melayu Pontianak)*

*Kalau berlayar jangan berbelok,
Kalau berbelok patah tiangnya;
Orang muda jangan dipeluk,
Kalau dipeluk patah pinggangnya.*

*Hujan ribut berlayar ke pulau,
Kalau ditimba ruang;
Selagi hidup kita bergurau,
Sudah mati tinggal seorang.
(KPM – 1729 dan 801)*

Perubahan pada pemantun yang berdekatan tempat tinggal dan hidup pada masa yang sama (sesama responden di Pontianak):

*Ikan selangat ikan seluang,
Belah belakang ambil hatinya;
Kusmangat tuan seorang,
Tolak belakang banyak gantinya.
(Sufifah, No. 20)*

*Ikan selangat ikan seluang,
Belah dadanya ambil hatinya;
Kusmangat tuan seorang,
Balik belakang ada gantinya.
(Sulaiman Daud, No. 32)*

*Ikan selangat ikan seluang,
Digulai dengan empedunya;
Kusmangat tuan membuang,
Tuan mundur ada gantinya.
(Zainab, No. 27)*

*Ikan_bekot ikan seluang,
Belah belakang ambil hatinya;
Kusmangat tuan seorang,
Tolak belakang ada gantinya.
(Matsah Hasan, No. 133)*

*Ikan belanak ikan seluang,
Belah dada ambil hatinya;
Kusmangat abang_seorang,
Hilang satu banyak gantinya.
(Nurfifah Hasan, No. 7)*

*Ikan selangat ikan seluang,
Belah belakang ambil hatinya;
Kusmangat tuan seorang,
Tolak belakang ada gantinya.
(Bujang Daim, No. 20; Ramlah, No.105; dan Sh. Laila,
No.45)*

Patut ditambahkan di sini bahawa petikan pantun tersebut di atas merupakan satu-satunya pantun yang dihafaz oleh seluruh responden yang penulis selidiki. Tiga responden mempunyai hafazan yang sama (Bujang Daim, Ramlah dan Sh. Laila), selebihnya terdapat perbezaan kata-kata, sama ada pada sampiran ataupun maksud. Sekalipun demikian, kandungan maksudnya semuanya sama.

Segala unsur tradisi pantun pada orang Melayu tidak jauh berbeza dengan tradisi epik lisan pada umumnya, iaitu segalanya dilakukan secara lisan, dari mulut ke mulut, sejak penyair mempelajari, menggubah dan menyampaikannya kepada orang lain. Khusus dalam situasi berpantun atau berbalas pantun dalam nyanyian yang diiringi muzik, misalnya, pantun digubah secara spontan, iaitu semasa persembahan berlangsung, bukan digubah untuk persembahan.

Begitu juga proses penerimaan dan penyampaian dalam tradisi berpantun seperti yang telah digambarkan di atas ada sedikit kemiripannya dengan proses penerimaan dan penyampaian Hadīth. Dalam pantun, daya ingatan atau hafazan merupakan rujukan pertama dan utama. Dengan perkataan lain, ia merupakan satu-satunya syarat penerimaan, penyampaian dan penyebaran pantun, sekaligus dianggap sebagai satu - satunya cara yang paling berkesan. Kemudian syarat tersebut menjadikan pantun berkekalan. Sedangkan dalam Hadīth, daya ingatan atau hafazan⁹ hanya merupakan salah satu syarat bagi penerimaan dan penyampaiannya sahaja. Dari syarat tersebut, kemudian dapat digunakan untuk menentukan kesahihan sesuatu Hadīth. Oleh itu, kemungkinan terjadi perubahan dalam susunan kata (*sanad Hadīth*), penambahan dan pengurangan, seperti halnya pada pantun (terutama sampirannya), bukan merupakan perkara yang menghairankan. Walaupun demikian, isinya umumnya sama, terutamanya jika seluruh persyaratan periwayatan Hadīth dipenuhi.

Penyampaian dan penyebaran pantun secara lisan ke seluruh Kepulauan Nusantara akan diikuti dengan pengucapan yang beragam sesuai dengan dialek para pemantun. Di Kalimantan Barat terdapat tujuh dialek Bahasa Melayu, salah satunya adalah dialek Melayu Pontianak. Untuk jelasnya, seluruh pantun yang berhasil dirakam dan disalin dalam teks dengan dialek dan idiolek (yang berkenaan

⁹ Daya ingatan atau hafazan adalah salah satu daripada perkara yang dibahas dalam mustalat al-Hadīth, yang secara ringkas dapat diertikan sebagai ilmu yang digunakan untuk mengetahui 'urf para ahli Hadīth (Hasbi Ash-Shiddieqy, 1987 : 34). Jika seseorang mempunyai daya ingatan yang baik akan Hadith disebut *qābiṭ al-ṣadr*, sehingga bila-bila masa dia diminta untuk menyampaikannya, dia dapat melakukannya dengan lancar. Selain *qābiṭ al-ṣadr*, ada juga *qābiṭ al-kitāb*, iaitu hafazan Hadīth yang didasarkan kepada buku catatannya. (Lihat, 'Ajāj al-Khātib, 1975 : 305; Fatchur Rahman, 1991 : 99; dan Syuhudi, 1995 : 136.)

dengan bunyi-bunyi vokal dan beberapa konsonan) Melayu Pontianak, sila lihat pada lampiran. Di sini diberikan sedikit contoh:

*Kapal keci ' jangan dibelo ' ;
Kalo ' dibelo ' patah luannye ;
Buda ' keci ' jangan dipelo ' ;
Kalo ' dipelo ' patah pinggangnye .*

*Arap-arap si bunge simpor ,
Kuneng ade baunye tada ' ;
Arap-arap mate na ' tido ' ,
Dindeng ade kelambu tada ' .
(Sufifah, No. 7 dan 61)*

Setelah orang Melayu mengenal tulisan, yang diawali dengan tulisan jawi, kedudukan daya ingatan atau hafazan mereka, sebagai rujukan pertama dan utama bagi penerimaan dan penyampaian pantun, makin lama makin berkurang. Walaupun demikian, ini sama sekali tidak sampai menafikan kedudukan pantun sebagai puisi tradisional. Sebaliknya, dengan cara ini antaranya dapat membantu mengekalkan pantun-pantun yang masih dalam ingatan atau hafazan orang yang pandai berpantun, yang jumlahnya mungkin sudah sangat berkurang dan kebanyakannya sudah tua, dan membantu menyebarkannya kepada orang lain secara lebih luas. Sejak itu pula, para penyair atau pemantun lambat laun mulai mengalihkan perhatian mereka dalam menyerlahkan pemikiran, perasaan dan pengalaman hidup mereka dari bentuk lisan ke bentuk tulis. Ini berlaku juga pada genre puisi Melayu tradisional lainnya seperti syair, gurindam, seloka dan sebagainya.

Sepertimana dijelaskan sebelumnya bahawa sudah menjadi tradisi dalam kesusasteraan lama, iaitu kebanyakannya nama pengarang atau penulisnya tidak disebutkan. Beberapa faktor telah dikemukakan oleh Ismail Hamid (1990 : 70),

antaranya ialah:

... hasil kesusasteraan Melayu lama itu dianggap sebagai milik rakyat, bukan milik perseorangan. Oleh kerana itu, nama pengarangnya tidak begitu dipentingkan.

... pengarang yang berkenaan itu takut kalau raja yang memerintah mengambil tindakan terhadapnya, jikalau tulisannya tidak diperkenankan oleh raja. Sementara tulisan yang dicipta dengan perintah raja tidak disebutkan nama pengarangnya kerana tulisan itu dianggap sebagai milik negara. Tulisan yang bercorak pengajaran agama Islam, nama pengarangnya tidak dicantumkan kerana karya yang dihasilkannya itu dianggap sebagai amal jariah. Tujuannya bukan untuk mencari nama dan kemasyhuran, melainkan untuk berdakwah dan berharap pahala daripada Allāh semata.

Pernyataan tersebut berlaku juga pada pantun. Bahkan pernyataan yang disebutkan paling awal lebih ketara pada pantun sebagai sastera “rakyat.” Walaupun pantun termasuk salah satu daripada puisi Melayu tradisional yang muktamad dan pada mulanya dicipta oleh individu, namun kerana ia hidup dan bertahan di tengah-tengah masyarakat dalam segala lapisan dan telah menjadi milik bersama seluruh masyarakat, maka hak cipta tidak lagi menjadi persoalan.

Dalam sejarah perkembangan pantun Melayu banyak sekali termuat dalam hikayat-hikayat Melayu lama. Misalnya, dalam *Hikayat Pelandok*, *Hikayat Awang Sulong Merah Muda*, *Hikayat Indera Mangindera* dan sebagainya (Yusof Hassan, 1996 : 201). Bahkan dalam pertengahan abad ke-20, Hamka, dalam berbagai-bagai karyanya seperti *Falsafah Hidup*, *Tasawuf Moden*, *Lembaga Budi*, *Pribadi* dan lainnya, selalu mencantumkan beberapa pantun dalam meneguhkan pemikiran dan gagasannya.

Sudah tidak disangsikan lagi, sepertimana yang dikemukakan sebelumnya,

pengetahuan orang Melayu tentang tulisan Jawi telah memberikan manfaat yang sangat berarti bagi penyebaran pantun ke seluruh Kepulauan Nusantara. Kegiatan ini diperkuat oleh tersedianya mesin-mesin cetak yang dapat mencetak ribuan buku kumpulan pantun, sehingga tidak menghairankan jika terdapat pantun-pantun yang sama yang dihafaz oleh penghuni Kepulauan Nusantara ini. Misalnya:

*Kalau ada sumur di ladang,
Bolehlah saya menumpang mandi;
Kalau ada umurku panjang,
Bolehlah kita berjumpa lagi.*

*Berakit-rakit ke hulu,
Berenang-renang ke tepian;
Bersakit-sakit dahulu;
Bersenang-senang kemudian.
(Sulaiman Daud, No. 35 dan 36)*

Akan tetapi tulisan jawi, yang banyak digunakan untuk penulisan pantun khususnya dan genre puisi Melayu tradisional pada umumnya, lambat laun kurang atau mungkin tidak difahami lagi oleh generasi sekarang, terutama sekali di Pontianak. Kedudukan tulisan ini digantikan oleh tulisan rumi dalam kegiatan sehari-hari mereka, baik formal mahupun non-formal, dengan alasan seperti yang dikemukakan pada Bab I. Semenjak itu, mungkin didorong oleh alasan kepraktikalan dan alasan lainnya, sebahagian penyair atau pemantun mulai mengalihkan perhatian mereka dalam menulis pantun dari tulisan jawi ke tulisan rumi. Selain itu, pantun-pantun yang masih ada dalam ingatan atau hafazan orang yang pandai berpantun cuba diungkap, dirakam dan dibukukan juga dengan tulisan rumi, seperti yang penulis cuba lakukan. Bahkan buku-buku pantun dan buku-buku yang memuat puisi Melayu tradisional lainnya yang ditulis dalam bentuk asal, iaitu tulisan jawi, mulai dialihaksarakan ke dalam tulisan rumi. Mungkin juga dalam tulisan tersebut

diberikan penjelasan, ulasan dan atau tafsiran yang berkenaan dengannya. Misalnya, buku *Kumpulan Pantun Melayu* yang berisi 2,052 rangkap pantun yang terpilih dan tersaring daripada 6,000 rangkap pantun; dan sesetengah bahan yang dipilih itu berasal daripada pantun-pantun yang ditulis dalam tulisan jawi. (Yusof Hassan, 1996 : 205-06). Hal yang sama juga buku *Pantun Melayu: Bingkisan Permata* yang berisi 4001 rangkap pantun yang terpilih dan tersaring daripada 15,000 rangkap pantun yang terdapat dalam lebih lapan puluh sumber (Harun Mat Piah, 2001 : xix). Ternyata, kegiatan ini masih tetap berlanjutan sampai sekarang hampir di seluruh alam Melayu, termasuk yang dilakukan oleh Pusat Kajian Sejarah dan Nilai Tradisional Kalimantan Barat. Usaha ini, sudah tentu, akan memberikan manfaat kepada generasi sekarang dan yang akan datang dalam memahami, menghayati dan menghargai pantun, sebagai salah satu puisi Melayu tradisional. Selain itu, hasil usaha ini dapat menjadi alat dakwah bagi para muballigh atau da'i dan tunjuk ajar bagi guru-guru agama.

Ringkasnya, daripada huraian yang dikemukakan di atas setakat ini dapatlah difahami bahawa terdapat perubahan dan pergeseran dalam menerima, menyampaikan dan menyebarkan pantun. Bagi masyarakat Melayu yang belum mengenal tulisan, segala unsur tradisi berpantun dilakukan secara tidak formal, iaitu secara lisan, sehingga daya ingatan atau hafazan sangat memainkan peranan yang sangat penting. Sedangkan bagi mereka yang telah mengenal tulisan, jawi dan rumi, segala unsur tradisi berpantun dilakukan secara formal, iaitu secara bertulis, sehingga rujukan utamanya adalah tulisan. Kedua-dua cara tersebut di samping mempunyai kelebihan juga mempunyai kelemahan.

3.7 Fenomena Berpantun

Situasi berpantun disebut sebagai “berbalas pantun” atau “berpantun - pantun” (Zakiah Hanum, 1996 : 181, 182). “Berbalas pantun” atau “berpantun - pantun” adalah budaya orang Melayu. Berikut diberikan beberapa contoh:

*Soal : Baju hitam berkancing tujuh,
 Pakaian anak raja seberang;
 Kalau tuan berhati sungguh,
 Ambillah saya di tangan orang.*

*Jawab: Bunga cempaka dipukul ribut,
 Mari tercampak di tanah seberang;
 Di tekak naga dapat direbut,
 Apakan lagi di tangan orang.*

*Soal : Kayuh-kayuh setanjung lagi,
 Di balik tanjung rumah Belanda;
 Tanggung-tanggung setahun lagi,
 Baru kita menghantar tanda.*

*Jawab: Kalau dahan dapat kutiti,
 Kalau daun lembut amat;
 Kalau sebulan dapat dinanti,
 Kalau setahun lambat amat.
 (Nurifah Hasan, No. 1 - 4)*

Mungkin fungsi pantun yang terbesar dan terluas adalah untuk hiburan (Muhammad Haji Salleh & Bazrul bin Bahaman, t.t. : 61), atau untuk dinyanyikan (Harun Mat Piah, 1989 : 150), baik semasa sendirian mahupun bersama dengan orang lain. Semasa bekerja sendiri di ladang, di sungai atau di tempat lain, misalnya, seseorang akan berpantun untuk menghilangkan kesunyian dan mengurangi kepenatan selama bekerja. Barangkali dalam suasana seperti itulah yang dibidas oleh pepatah ‘sambil berdendang biduk hilir.’ Selain itu, orang berpantun mungkin untuk menghibur diri semasa bersendirian dan untuk menarik perhatian orang lain agar mahu mendekat dan menemaninya. Dalam suasana sebegini belum muncul situasi

berpantun atau berbalas pantun, kerana subjeknya hanya seorang dan boleh jadi bentuknya pun masih sangat sederhana.

Situasi berpantun atau berbalas pantun baharulah muncul jika mereka bekerja bersama (gotong - royong). Dimaklumi bahawa masyarakat Melayu tradisional adalah masyarakat pertanian. Mereka banyak berhubungan dengan alam secara langsung dan tenaga manusia justeru memainkan peranan yang penting. Oleh itu, bekerja bersama atau bergotong-royong dalam segala bentuknya merupakan suatu sistem yang dianut oleh masyarakat tersebut. Maksudnya, selain untuk meringankan pekerjaan, juga untuk menambah semangat atau ghairah dalam bekerja, seraya diiringi ejek-mengejek, sindir-menyindir dan gelak-ketawa. Walaupun dalam bentuk yang masih sangat sederhana dan dengan tema yang sangat beragam, namun suasana sebegini, menurut hemat penulis, merupakan tahap awal dari muncul dan lahirnya berbalas pantun. Sebab, bagi masyarakat Melayu tradisional, bekerja dianggap sebagai pesta dan biasanya diakhiri dengan kenduri dan doa selamat. Lebih-lebih orang Melayu senang hidup berkelompok dan bermasyarakat daripada hidup sendirian (Norazit Selat, 1989 : 144). Dengan demikian, gotong-royong mengandungi nilai sosial yang lebih kompleks. Sebab, melalui kegiatan tersebut, dapat menjadi tempat berkumpul untuk memperbincangkan berbagai - bagai hal di sekitar kehidupan mereka seraya diiringi berbalas pantun sehingga suasananya lebih ramai dan meriah; biasanya oleh pemuda-pemudi.

Selanjutnya, suasana berpantun atau berbalas pantun dalam bentuk yang lebih luas dan formal disampaikan pada peristiwa-peristiwa tertentu, seperti pada majlis merisik atau pertunangan dan perkahwinan. Kerana bentuknya sudah lebih

formal, biasanya dilakukan bukan oleh orang sebarangan, dan bukan calang orang yang mengadakan majlis yang diserikan dengan pantun (Mohd. Taib Osman, 1996 : 7-8). Keadaan ini, sudah tentu, menuntut pemantun untuk menguasai pantun-pantun yang didengar dari nenek-moyangnya secara turun-temurun dan dari mulut ke mulut dan menyampaikannya dengan baik. Selain daripada itu, dia harus mampu menghasilkan pantun secara spontan (cepat dan tepat), sesuai dengan tempat, sifat dan rumus-rumus pantun, iaitu dijual-beli atau disoal-jawab melalui pembayang atau sampiran. Oleh itu, penguasaan akan rumus- rumus pantun, terutama pembayang, akan sangat bererti bagi pemantun dalam menjawab pantun yang disoal atau dijual.

Jadi, suasana berbalas pantun pada zaman silam di upacara pinang-meminang dan majlis perkahwinan sudah lebih jelas dan formal. Sebab, kedua-dua pemantun, baik dari pihak keluarga lelaki mahupun perempuan, akan memperlihatkan kebolehan dan keupayaannya dalam “menjual dan membeli” atau “menyoal dan menjawab” kata-kata yang bermakna dan indah berseri seraya didengari oleh hadirin yang ikut-serta (Zakiah Hanum, 1996 : 187). Kebolehan mencipta dan menghasilkan pantun dalam suasana sebegini merupakan keistimewaan yang sangat disanjung dan dihormati dalam masyarakat (Wan Abdul Kadir & Ku Zam Zam Ku Idris, 1996 : 98). Selain daripada itu, suasana sebegini akan menambah darjat majlis dan orang yang mengadakannya (Mohd. Taib Osman, 1996 : 7).

Medan lain yang biasa digunakan dalam berbalas pantun adalah dalam tarian, antara joget (penari wanita) dan pengibing atau penandak (penari lelaki). Mereka

berbalas-balas pantun dalam nyanyian yang diiringi dengan muzik (Mohd. Ramli Rahman, 1996 : 171). Contohnya lagu-lagu Dondang Sayang Melaka dengan tema kasih-sayang, yang dikutip Harun Mat Piah, (1989 : 199), antara lain sebagai berikut:

*Soal : Kalau menebang kelapa muda,
Jangan tebang pokok lain;
Kalau abang kasihkan adinda,
Jangan paling kepada yang lain.*

*Jawab: Gulai berempah si ubi keledak,
Terkena kain turun warnanya;
Abang bersumpah di depan adik,
Pada yang lain haram hukumnya.*

*Soal : Encik Bapa orang Cina,
Menjual berangan ke rumah Cik Puan;
Ingin hamba hendak bertanya,
Siapa gerangan kekasih tuan.*

*Jawab: Ikan pelata ikan sembilang,
Kalau boleh jualkan hamba;
Kekasih hamba sudahlah hilang,
Dilarikan oleh kumbang durjana.
(Tumpang bin Muhammad, Melaka 1978)*

Huraian tentang situasi berpantun seperti yang telah dikemukakan di atas adalah aspek sejarah dalam budaya Melayu masa silam. Aspek ini menekankan komunikasi tidak langsung atau komunikasi tidak berterus-terang di antara anggota masyarakat dalam pelbagai segi kehidupan mereka. Akan tetapi situasi seperti ini jarang dijumpai atau bahkan mungkin tidak dijumpai sama sekali pada masa sekarang hampir di seluruh alam Melayu. Oleh yang demikian, mengikut Zainal Abidin Bakar, peny., (1984 : 32), pantun sekarang hanya dijadikan sebagai “alat permainan” serta pertandingan dan bukan lagi media meluahkan cita dan rasa.

Sebenarnya, bukan hanya situasi berpantun atau berbalas pantun yang telah kehilangan pendukung dan akhirnya lambat laun mati, tetapi banyak kepercayaan, persembahan dan amalan tradisional lainnya, seperti upacara menyalang lawat dan berkenalan dengan saudara-saudara pihak lelaki dan perempuan dengan berbekalan dodol dan sebagainya (Norhalim Haji Ibrahim, 1993 : 253). Demikian pula pandangan masyarakat Melayu sudah banyak yang berubah. Misalnya, dalam berkomunikasi mereka lebih senang menggunakan bahasa yang langsung, lugas dan lurus (denotatif). Berkias atau beribarbat yang lebih disukai dan ditekankan pada masa lampau (konotatif) sudah digantikan dengan cara yang lebih langsung. Sebab, cara-cara sebegini dirasakan segera mencapai tujuan yang dikehendaki tanpa menimbulkan pelbagai makna atau tafsiran dan mungkin juga kecurigaan.

Mungkin juga masih ada pihak yang menggunakan upacara berbalas pantun dalam upacara formal seperti itu dengan perasaan tidak mahu meninggalkan adat atau membelakangi tradisi (Zainal Abidin Bakar, 1984 : 32; Zakiah Hanum, 1996 : 187). Dalam keadaan sebegini, biasanya pantun yang “dijual dan dibeli” antara kedua-dua pihak, berlangsung sangat singkat, dan pantun-pantun yang “dijual dan dibeli” pun biasanya pendek-pendek. Selalunya, kedua-dua pemantun menggunakan pantun bertulis, ertinya mereka telah mempersiapkan lebih dahulu pantun-pantun yang hendak dijual dan dibeli. Keadaannya, sudah tentu, sangat berbeza dengan situasi berpantun zaman dahulu dalam segala seginya, misalnya dari segi pemantunnya, cara penyampaiannya dan kemeriahannya.

Jadi, situasi berbalas pantun pada masa dahulu dan sekarang dalam majlis-majlis seperti yang telah disentuh di atas memang berbeza. Tetapi perbezaan tersebut

sebenarnya harus dilihat dari pendekatannya. Pada masa sekarang, bagi pihak yang tidak mahu membelakangi tradisi berbalas pantun, pantun masih digunakan oleh juruacara atau sesiapa yang telah ditunjuk oleh kedua-dua keluarga untuk memantun. Baik juruacara mahupun sesiapa yang ditunjuk sebagai pemantun hanya menyampaikan pantun tanpa berniat dan berupaya untuk menjual kepada siapa pun. Pantun-pantun yang disampaikan, di samping telah disiapkan secara bertulis juga hanya beberapa pantun sahaja. Pendekatan lain misalnya dalam bentuk pertandingan pantun, nyanyian, pembacaan pantun melalui radio dan televisyen.

Tidak adanya situasi berpantun atau berbalas pantun seperti telah dikemukakan di atas juga terdapat di Kotamadia Pontianak. Gejala ini, mengikut maklumat yang diberikan oleh Sharif Isa Sharwani, salah seorang kerabat istana Kadriah, telah wujud sebelum tahun 1960-an. Bahkan hampir semua majlis pertunangan dan perkahwinan yang diselenggarakan oleh orang Melayu tidak ada pembacaan atau penyampaian pantun. Jika ada, itu pun dilakukan oleh pihak tertentu dan dengan alasan tertentu, seperti tidak mahu meninggalkan adat atau membelakangi tradisi. Pelaksanaannya tidak jauh berbeza dengan yang telah dikemukakan di atas, iaitu melalui juruacara atau sesiapa yang ditunjuk oleh salah satu keluarga atau kedua-dua keluarga untuk memantun. Pantun-pantun yang akan disampaikan telah disiapkan terlebih dahulu secara bertulis, dan sedikit pun tidak bermaksud untuk dijual dan atau dibeli. Biasanya pantun - pantun yang disampaikan berkisar antara tujuh hingga 12 pantun. Isinya: penyampaian salam, ucapan terima kasih, permohonan maaf dan permohonan agar segera dapat dilangsungkan ijab-qabul.

Kerana jumlah pemantun di Kotamadia Pontianak tidak banyak dan usia mereka pun sudah lanjut, maka seringkali pemantun yang ditunjuk orangnya sama. Adakalanya ia mewakili pihak keluarga perempuan, atau pihak keluarga lelaki, dan ada kalanya ia mewakili kedua-dua pihak keluarga. Berikut dipetik sedikit contoh:

Pemantun mewakili pihak keluarga lelaki

*Selendang bersulam berwarna jingga,
Koyak hujungnya tolong jahitkan;
Terimalah salam dari Pak Latif sekeluarga,
Buat keluarga di sini yang kami muliakan.*

*Jangan ditebang batang keranji,
Tempat hinggap si merbak hitam;
Kami datang sesuai janji,
Terima kasih atas sambutan.*

*Masak di batang pisang berangan,
Ambil seisisir tolong simpankan;
Kami datang dengan rombongan,
Membawa calon pengantin untuk dinikahkan.*

*Di tengah kota tanahnya padat,
Di kaki gunung berbatu-batu;
Tersalah kata tercela adat,
Mohon maaf semuanya itu.*

*Buah delima buah pujaan,
Masak di batang tolong petikkan;
Harap diterima barang bawaan,
Mana yang kurang mohon maafkan.
(M. Ali M. Zain, 1999)*

Pemantun mewakili pihak keluarga perempuan:

*Anak menjangan di tepi hutan,
Kerana belantik luka di kaki;
Selamat datang kami ucapkan,
Kepada rombongan calon mempelai lelaki.*

*Jangan ditebang batang keranji,
Tempat bertengger si burung dara;
Tuan lah datang sesuai janji,
Kami sambut dengan gembira.*

*Buluh ditebang jangan dibelah,
Baik disusun dibuat titi;
Jika ada penerimaan kami yang salah,
Mohon maafkan sepenuh hati.*

*Di tengah kota tanahnya padat,
Di kaki gunung berbatu-batu;
Tersalah kata tercela adat,
Mohon maaf semuanya itu.*

*Buah delima di dalam cawan,
Delima putih tolong simpankan;
Kami terima barang bawaan,
Terima kasih kami ucapkan.
(M. Ali M. Zain, 1999)¹⁰*

3.8 Kesimpulan

Berdasarkan kepada huraian di atas dapatlah disimpulkan bahawa pantun merupakan salah satu daripada dua genre puisi Melayu tradisional yang paling muktamad, yang kemunculannya jauh sebelum kedatangan Islam. Ia merupakan genre yang sempurna dari segi bentuk dan struktur, tema dan isi dan kedudukannya pun unggul di dalam sastera Melayu sejak zaman berzaman. Walaupun sebutan puisi tradisional tetap melekat pada pantun, namun penggunaannya berterusan dan jumlah pantun pun akan terus bertambah. Selanjutnya, kerana fungsinya sebagai alat berkomunikasi tidak langsung antara anggota masyarakat, maka bahasa yang digunakan banyak menggunakan lambang dan perlambangan. Lambang-lambang tersebut selain diambil daripada alam-sekitar yang sudah lazim digunakan dalam kehidupan masyarakat (flora dan fauna) juga sebahagiannya daripada mitos atau legenda dan benda budaya.

¹⁰ Pada pertengahan bulan Ogos 2000 beliau meninggal dunia beberapa minit setelah menyampaikan pantun dalam majlis perkahwinan.

Patut ditegaskan di sini bahawa kepelbagaian penjenisan pantun mengikut tema dan isinya yang telah dikemukakan setakat ini kemungkinan belum seluruhnya mencerminkan yang sebenar, sehingga masih banyak lagi yang terkeluar daripada pengetahuan dan penganalisisan penulis. Apalagi penjenisan ini pun bukan merupakan sesuatu yang mutlak. Ertinya, seserangkap pantun yang dimasukkan dalam bahagian tertentu masih boleh dipersoalkan. Keadaan ini, bagaimanapun, dapat memberikan peluang bagi munculnya perbezaan antara seorang pengkaji dengan pengkaji lain atas kecenderungannya menanggapi seserangkap pantun. Bahkan mungkin dijumpai seserangkap pantun masuk dalam dua tema. Demikian pula ketiga-tiga kelompok kegiatan yang dikemukakan di sini barangkali baharu menyentuh sebahagian saja daripada aspek-aspek kehidupan masyarakat Melayu Pontianak yang sebenar, sehingga masih mungkin ditambah dan diluaskan lagi.

Pantun yang popular dan yang disukai ramai, menurut bentuknya, terdiri daripada empat baris atau kerat; dua baris pertama disebut 'sampiran' atau 'pembayang' dan dua baris kedua disebut 'maksud.' Kedua-duanya (pembayang dan maksud) merupakan perkara yang asas bagi konsep pantun dan tetap kekal dalam masyarakat Melayu sejak zaman berzaman. Cara penulisannya biasa disimbolkan dengan huruf: a-b-a-b.

Sumber-sumber yang dapat dijadikan rujukan pembayang demikian luas, iaitu meliputi alam semula jadi (flora dan fauna), termasuk pula pola kehidupannya (musim, sifat dan tabiatnya), benda-benda budaya, dan nama-nama tempat dan warganya, sama ada fiksyen ataupun benar. Fungsinya adalah memberi bayangan kepada maksud dan memberi layanan kenyataan yang akan diungkap pada baris

berikutnya. Penggunaan sebegini disebut ‘artifak budaya.’ Oleh itu, penguasaan akan rumus - rumus pembayang akan sangat besar ertinya, terutamanya pada situasi berbalas pantun.

Bagi menjamin pengekaln pantun (menerima, mencipta, menyampaikan dan menyebarkan), ada dua tahap yang dilakukan orang Melayu. Pertama secara tidak formal, dan kedua secara formal. Pada tahap pertama, secara tidak formal, kegiatan tersebut seluruhnya dilakukan secara lisan, dari mulut ke mulut. Bagi pengekaln tradisi ini, daya ingatan atau hafazan memainkan peranan yang penting dan bahkan menjadi rujukan pertama dan utama. Sementara pada tahap kedua, secara formal, rujukan utamanya adalah tulisan. Kedua-dua cara tersebut, di samping mempunyai kelebihan juga mempunyai kekurangan.

Kelebihan cara formal, misalnya tidak terhalang oleh cuaca, keadaan dan tempat, sehingga bila-bila masa dan di mana sahaja seseorang diminta menghafaz dan menyampaikan pantun, ia dapat melakukannya dengan baik dan lancar. Dalam mustalah al-Hadīth perkara ini diistilahkan dengan *dābiṭ al-ṣadr*. Sedangkan kelemahannya adalah apabila pemantun meninggal, sementara pantun yang menjadi hafazannya belum begitu tersebar luas dan luput daripada ingatan, maka pupuslah khazanah hafazan pantunnya. Selain itu, ada kemungkinan terjadi sedikit perubahan dalam langgam dan susunan kata-katanya, terutama sekali pada sampiran atau pembayang. Sedangkan kelebihan cara formal antara lain pantun-pantun yang dihafaz seseorang dapat dikekalkan dan disebarkan secara meluas melalui tulisan (jawi dan atau rumi). Sedangkan kelemahannya adalah daya ingatan atau hafazan

menjadi berkurang. Ini diperkuat oleh data lapangan seperti yang tercantum pada Jadual 1.1.

Pantun berfungsi sebagai alat berkomunikasi secara tidak langsung atau berterus-terang antara anggota masyarakat dalam pelbagai kehidupan mereka. Namun komunikasi serupa itu pada sekarang sudah berkurang pendukungnya, terutama dalam situasi berbalas pantun pada majlis merisik atau pertunangan dan perkahwinan. Kalaupun ada yang melakukannya, mungkin dengan perasaan tidak mahu meninggalkan adat atau membelakangi tradisi. Jadi pelaksanaan berbalas pantun pada masa sekarang pendekatannya berbeza dengan masa silam, baik dari segi pemantunnya, cara menyampaikannya, mahupun kemeriahannya. Pendekatan lainnya, seperti pada pertandingan berpantun yang dilakukan pada hari-hari tertentu, nyanyian, radio, televisyen dan sebagainya.